**Penganugerahan Pingat Kebesaran Negeri** MS 2 & 3



**Projek *Aspen Vision City* bermula** MS 19




PERCUMA

# buletin Mutiara



Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

16 – 30 SEPTEMBER 2015

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


# Sumbangan tahunan, iktiraf pembangunan ummah

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BAYAN BARU** – Tanggungjawab pada aspek pembangunan serta keperluan pendidikan negara adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat, justeru, adalah wajar Pusat turut membantu menyuntik bantuan dana kepada sekolah-sekolah agama rakyat (SAR).

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Majlis Penyerahan Bantuan SAR Negeri Pulau Pinang 2015 bertempat di Masjid Umar Al-Khattab, Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Guan Eng berkata, atas keprihatinan Kerajaan Negeri, buat julung kalinya untuk peruntukan tahun ini (2015), turut diperuntukan sejumlah dana kepada sekolah-sekolah pondok di seluruh negeri ini.

"Bermula 2015 ini, kita (Kerajaan Negeri) telah menambah bilangan sekolah (yang menerima sumbangan) dengan memasukkan sekolah pondok di dalam senarai penerima bagi mengiktiraf sumbangannya (sekolah pondok) dalam persada pendidikan agama Islam negeri.

"Secara keseluruhan, sumbangan ini adalah bantuan yang disalurkan Kerajaan Negeri secara tahunan sejak 2009 dan tahun ini, kita (Kerajaan Negeri) tambah sekolah-sekolah pondok di dalam senarai sebagai usaha berterusan untuk memartabatkan agama Islam dan mengiktiraf sumbangan pihak berkaitan pada aspek pembangunan ummah di sini," ujarnya yang juga merangkap Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan dan Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Dato' Abdul Halim Hussain (Timbalan Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, MAINPP).

Turut berucap pada majlis sama, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan Mohamad Sabu (bekas Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang, PBAPP).

Pada majlis tersebut, Sekolah Menengah Agama Rakyat menerima peruntukan sebanyak RM435,500, diikuti Sekolah Rendah Agama Rakyat (RM321,100), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (RM279,500), Maahad Tahfiz (RM178,200), Sekolah Agama Rakyat (Kafa Intergrasi) (RM418,800), Tadika Islam (RM26,900) dan Pondok (RM90,000).



**KETUA Menteri, Mohd Rashid Hasnon (empat dari kiri), Abdul Malik Abul Kassim (lima dari kiri) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan dengan para penerima sumbangan pada Majlis Penyerahan Bantuan SAR di Masjid Umar Al-Khattab, Bayan Baru di sini baru-baru ini.**

Keseluruhan sumbangan adalah berjumlah RM1.75 juta membabitkan 176 sekolah. Peruntukan yang disumbangkan adalah meliputi aspek pengurusan, keceriaan sekolah, alat bantuan mengajar dan saguhati kepada guru-guru besar, guru-guru dan kakitangan sekolah.

Dalam pada itu, mengulas lanjut, Abdul Malik memberitahu, Kerajaan Negeri bertekad meningkatkan mutu pendidikan agama Islam melalui pelbagai perancangan.

"InsyaAllah dengan sokongan berterusan yang diberikan, ia diharap dapat membentuk generasi pewaris yang berilmu dan bertaqwa dalam memartabatkan syiar Islam di negeri ini," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Sebelum ini, pada Aidilfitri lalu, Kerajaan Negeri turut mengumumkan pemberian bonus raya sebanyak RM200 hingga RM300 seorang kepada 1,975 guru KAFA, Sekolah Menengah Agama Rakyat, Sekolah Rendah Agama Rakyat, Guru Tahfiz dan Pondok serta Guru Tadika Islam dengan jumlah keseluruhan sumbangan bernilai RM1,146,200.

# Rabies, pemusnahan 100% demi keselamatan rakyat – Pengarah DVSPP

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN** – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) negara telah mengeluarkan garis panduan melalui Protokol Veterinar Malaysia (PVM) tentang wabak penyakit anjing gila atau rabies dalam usaha membendung penularannya.

Menurut Pengarah Perkhidmatan DVS Pulau Pinang (DVSPP), Dr. Siti Salmiyah Tahir, salah satu strategi pencegahan rabies yang berkesan ketika keadaan wabak (krisis) sedang menular adalah melalui pemusnahan dan pelupusan.

"Sekiranya seekor anjing yang tidak bertuan dan tidak dikawal ini dijangkiti rabies, sebelum mati, iaitu dalam tempoh kira-kira 14 hari, anjing tersebut akan mula menggigit, tidak kira sama ada ia menggigit anjing lain ataupun haiwan lain yang bergerak di sekelilingnya, ia perlu menggigit untuk mendapatkan 'perumah' yang baharu.

"Risikonya terlalu tinggi. Atas dasar itulah, kami (DVSPP) berdiri teguh dengan apa yang telah kita wartakan dan melakukan pemusnahan 100 peratus melalui penakaian *(culling)* demi keselamatan dan kesihatan rakyat Pulau Pinang.

"Kita tidak mahu sehingga ada manusia yang terbunuh gara-gara tidak melaksanakan langkah-langkah pengawalan wabak rabies ini. Antara manusia dan anjing, kita utamakan manusia, fikirkan tentang trauma dialami mereka yang digigit," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Sidang media tersebut diadakan bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B.



**DR. Siti Salmiyah Tahir.**

Tuan Lim Guan Eng, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Penguatkuasa DVS Malaysia, Datuk Mohamad Radzuan Malik dan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Datuk Dr. Zailan Adnan.

Mengulas lanjut, Mohamad Radzuan memberitahu bahawa, pihaknya akan 'memusnahkan' anjing yang berkeliaran dan dilepaskan bebas.

"Pada tahap ini, risiko jangkitan kepada manusia sentiasa ada kerana apabila anjing-anjing yang bertuan ini tidak dikawal atau dikurung, berkemungkinan ia akan digigit oleh anjing liar, dan pemiliknya adalah individu yang terdekat untuk dijangkiti rabies.

"Oleh itu, pemilik–pemilik anjing wajar memastikan anjing mereka dikawal sepanjang masa. Mereka perlu memantau anjing peliharaan masing-masing dan perlu melaporkan kepada DVS sekiranya ada perubahan tingkahlaku haiwan peliharaan mereka," katanya.

Dalam pada itu, Zailan menjelaskan bahawa sehingga 21 September lalu, sejumlah 41 kes gigitan anjing dilaporkan melibatkan orang awam dan pemilik anjing.

"Jika kita lihat statistik, tidak sampai 24 jam, 15 kes gigitan anjing dicatatkan iaitu dengan 26 kes gigitan dilaporkan pada 20 September meningkat kepada 41 kes gigitan pada hari berikutnya.

"Jumlah kes ini menunjukkan peningkatan mendadak membabitkan gigitan anjing dan perlu diingatkan juga, bukan semua anjing yang menggigit terutama anjing liar dapat ditangkap oleh pihak berkuasa tempatan (PBT)," ujar beliau.


**Lagi berita di muka surat 5.*

**Majlis Penganugerahan Darjah-Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang.**

# Pelihara perpaduan demi bina sebuah negeri maju & pintar - KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD & SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN** – Kemajuan dan kegemilangan dicapai Pulau Pinang kini adalah hasil berkat penyatuan kepelbagaian kaum, agama dan adat resam rakyat negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian ketika menyampaikan ucapannya sempena Majlis Penganugerahan Darjah-Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Beliau menyeru semua pihak terutama rakyat Pulau Pinang untuk sama-sama memelihara semangat perpaduan demi membina sebuah negeri yang maju, pintar dan bertaraf antarabangsa.

"Kita perlu terus bersatu padu, berganding bahu, bermuafakat dan bekerjasama dalam mengekalkan keharmonian, keamanan dan kemakmuran yang dikecapi selama ini di bawah naungan Yang diPertua Negeri (TYT).



**KETUA Menteri, Law Choo Kiang (dua dari kiri) dan Farizan Darus bergambar kenangan dengan Dr. Abdul Rahman Abbas (tengah).**



**DR. Abdul Rahman Abbas (tengah) ketika memeriksa perbarisan kehormat pada Majlis Perasmian Penganugerahan Darjah-Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

"Kita juga bersyukur kerana berkat naungan Yang diPertua Negeri (TYT) sebagai lambang perpaduan, rakyat berbilang kaum, agama dan budaya di negeri ini sentiasa hidup dengan sejahtera dan muhibah," katanya pada majlis berkaitan.

Hadir menyempurnakan majlis penganugerahan ialah TYT, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas bersama-sama isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang dan isteri, Datin Teoh Hooi Tuang dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan isteri, Datin Seri Hamidah Mat Daud serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.



**KETIBAAN Majimor Shariff (kiri sekali) disambut oleh isteri kepada Ketua Menteri, Betty Chew Gek Cheng sambil ditemani Teoh Hooi Tuang (kanan sekali) dan Hamidah Mat Daud (bertudung jingga).**

Seramai 1,275 penerima darjah kebesaran dan pingat kehormatan negeri disenarai dalam istiadat istimewa sempena sambutan ulang tahun kelahiran Abdul Rahman yang ke-77.

Dalam pada itu, Abdul Rahman ketika menyampaikan perutusannya turut menyatakan bahawa Pulau Pinang perlu mengikut acuan dan identitinya tersendiri dengan berteraskan modal insan serta perpaduan antara kaum demi mencapai kemajuan.

## Ketua Audit Negara dahului senarai penerima darjah kebesaran

**GEORGE TOWN** – Ketua Audit Negara, Tan Sri Datuk Setia Ambrin Buang mendahului senarai 1,275 penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat kehormatan negeri Pulau Pinang sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-77 Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas di sini baru-baru ini.

Ambrin, 66, yang memegang jawatan Ketua Audit Negara sejak Februari 2006 adalah antara tujuh penerima Darjah Panglima Pangkuan Negeri (D.P.P.N.) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Pemilihan Ambrin sebagai pendahulu senarai penerima adalah dengan mengambil kira jasa dan sumbangan beliau terhadap negara dan negeri Pulau Pinang selaku Ketua Audit Negara.

Ketika ditemui, Ambrin berkata, beliau melihat pengurniaan darjah kebesaran tersebut sebagai penghormatan tertinggi kepada profesion seorang juruaudit di sektor awam.

"Pengurniaan darjah kebesaran ini adalah sebagai pengiktirafan terhadap kerja-kerja yang dijalankan oleh rakan-rakan di Jabatan Audit Negara terutama di cawangan Negeri Pulau Pinang.

"Terima kasih kepada Yang diPertua Negeri (TYT) dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dan saya secara peribadi menganggap pengurniaan darjah kebesaran ini sebagai satu penghormatan tertinggi," katanya yang turut ditemani isteri, Puan Sri Datin Seri Hindon Yusoff.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Perbadanan Bekalan Air Sdn. Bhd. (PBAPP) dan CEO PBA Holdings Bhd., Ir. Jaseni Maidinsa turut menerima Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N.) yang membawa gelaran Datuk.



**(Dari kiri), IR. Jaseni Maidinsa, Dr. Rohana Ariffin, Shahul Hamid Abdul Kadir dan Dr. Siti Jameelah Shaikh Ibrahim.**

"Pengiktirafan ini merupakan suatu penghormatan tertinggi setelah 30 tahun berkhidmat dalam PBA dan juga negeri Pulau Pinang.

"Sekarang ini saya mempunyai satu masalah kerana cucu saya memanggil saya 'atuk', sekarang perlu panggil 'Datuk'," katanya berseloroh kepada Buletin Mutiara sambil ditemani isteri, Datin Dr. Rohana Ariffin.

Selain Jaseni, Setiausaha Sulit kepada Yang Dipertua Negeri, Shahul Hamid Abdul Kadir turut menerima D.S.P.N.

Shahul yang telah berkhidmat sebagai Setiausaha Sulit kepada tiga TYT sejak 25 tahun lalu hadir bersama isteri, Dr. Jameelah Shaikh Ibrahim.

Seramai 49 individu menerima D.S.P.N. Antaranya, Ahli Lembaga Pengarah Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Pengarah St. Nicholas Home, John Alexander Rodgers; bekas pemain kebangsaan bola sepak negara (1970-an), Mohamad Bakar; Pengasas Persatuan Kebajikan Kanak-kanak Shan Negeri Pulau Pinang, Dr. S.S. Balakrishnan; Pengarah Urusan Mydin Wholesales Emporium dan Hypermarket, Dr. Saduruddin Gulan Husen dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung, Zainuddin Ahamad.

Seramai 12 individu menerima D.M.P.N. yang membawa gelaran Datuk. Antaranya Pengurus Besar Kanan Lembaga Tabung Haji, Datuk Syed Saleh Abdul Rahman; Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Bukit Bendera, Datuk S. Kumaran, Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Cina Pulau Pinang, Datuk Ar Jong East Full dan Presiden Pertubuhan Warisan Jawi Peranakan Pulau Pinang, Dato' Dr. Wazir Jahan Begum Abdul Kadir.



**AMBRIN Buang (dua dari kiri) serta Mior Faridalathrash Wahid (kanan sekali) bergambar kenangan dengan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus (tiga dari kiri).**

Selain itu, enam individu turut menerima Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (D.G.P.N.) yang membawa gelaran Datuk Seri, antaranya, Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Sri Noor Rashid Ibrahim; Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, Datuk Mohd. Zaki Md. Yasin; Pengarah Urusan Eastern & Oriental Berhad, Datuk Tham Ka Hon, Setiausaha Politik kepada Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mohamed Ismail Mohamed Othman; Naib Canselor Universiti Utara Malaysia, Datuk Mohamed Mustafa Ishak dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan SAA Resources Sdn. Bhd., Datuk Shaik Aqmal Shaik Alaudin.

68 individu menerima Darjah Johan Negeri (D.J.N.), Bintang Cemerlang Negeri (B.C.N.) (25), Pingat Kelakuan Terpuji (PKT) (152), Pingat Jasa Kebaktian (PJK) (497), Pingat Jasa Masyarakat (PJM) (393) dan Pingat Bakti Setia (PBS) (68).

Penerima penganugerahan B.C.N., Ketua Polis Daerah (OCPD) Timur Laut, Asisten Komisioner (ACP) Mior Faridalathrash Wahid berkata, pengiktirafan diterimanya menjadi dorongan untuk beliau terus meningkatkan mutu perkhidmatan.

"Pencapaian dan anugerah yang diterima ini diharap dapat menyuntik semangat kepada anggota lain untuk sama-sama memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat," katanya yang ditemani isteri, Nor Qhadhijah Abdul Wahab.

**Majlis Penganugerahan Darjah-Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang.**

# Dipandang enteng, 'sembunyi' dalam longkang, tidak gugat amanah Pekerja Am 3D

**GEORGE TOWN –** Tugas sebagai Pekerja Am pihak berkuasa tempatan (PBT) di bawah Skuad 3D *(Difficult, Dirty & Dangerous)* penuh risiko, namun atas rasa tanggungjawab yang diamanahkan, segala cabaran ditempuhi bagi memastikan persekitaran selamat, bersih serta rakyat sejahtera.

Ungkapan di atas begitu sinonim bagi menggambarkan pengorbanan 'wira-wira tidak disanjung' yang sering dan terpaksa berdepan dengan detik-detik mencemaskan dan kadang-kala mengundang bahaya dalam gerak kerja harian mereka.

Bagi **KAMARUDIN WAN CHEE, 54**, tugasnya membersihkan parit besar di Jalan Utama di sini tidak semudah yang disangka kerana banyak perkara perlu diambil perhatian.

"Adakala kami terpaksa melalui detik-detik mencemaskan seperti terserempak dengan ular dalam parit atau tenggelam separuh badan semasa menjalankan kerja-kerja pembersihan," katanya yang merupakan salah seorang penerima Pingat Jasa Masyarakat (PJ.M) pada Majlis Penganugerahan Darjah-Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Sambutan Hari Jadi ke-77 Yang diPertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas di sini baru-baru ini.

Menurut beliau yang telah 33 tahun berkhidmat dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), halangan paling utama ketika melaksanakan tugas adalah ketika keadaan cuaca buruk selain arus parit yang deras.

Perkara sama turut dilalui rakan sekerjanya, **SULAIMAN IBRAHIMSAH, 55,** ketika berdepan dengan banjir saban tahun di Jalan P. Ramlee di sini.

"Ketika banjir, keadaan sekeliling menjadi sukar dan agak mencemaskan, kerana jika kita tersilap langkah, kemalangan boleh terjadi, contohnya tergelincir ke dalam longkang atau terpijak objek-objek tajam yang dihanyutkan arus," katanya yang terkejut dengan pencalonan untuk menerima P.J.M tahun ini.

Begitu juga bagi **ABDUL AZIZ AMIR, 58,** yang telah berkhidmat lebih 30 tahun bersama MBPP turut berkongsi pengalaman ketika menghadapi tsunami pada tahun 2004.

"Masa tu, saya di Jalan Pantai Molek membersihkan sisa-sisa kemusnahan akibat tsunami, memang dahsyat. Namun, ia tidak mematahkan semangat saya untuk terus berkhidmat kerana kerja ini telah sebati dengan jiwa saya, orang kata sudah biasa," kata bapa kepada enam orang cahaya mata tersebut kepada Buletin Mutiara.

Turut berkongsi pengalaman, **MOHAMED CHE DAN, 57,** yang terpaksa bergelumang dengan lumpur tebal akibat insiden runtuhan bukit selepas tsunami.

Dalam pada itu, bagi **CHE SAAD HARUN, 57**, dari Lahar Yooi, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara (SPU), memberitahu bahawa peranan Pekerja Am di Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sering dipandang enteng oleh sesetengah golongan masyarakat.

"Kerja macam kami ni lebih banyak 'bersembunyi' dalam longkang, bersih saluran air untuk pastikan ia tidak tersumbat. Tetapi ramai yang tidak sedar kehadiran kami, sewenang-wenangnya buang sampah ke dalam longkang," katanya yang telah bersama MPSP sejak 30 tahun lalu.

Bukan merungut, ujarnya, tetapi Che Saad amat berharap agar lebih ramai anggota masyarakat sedar bahawa perbuatan membuang sampah ke dalam longkang hanya akan mengundang bencana terutama ketika hujan lebat.

Kenyataan tersebut turut dipersetujui **ISHAK AHMAD, 58,** yang kini merupakan mandor Skuad 3D di MPSP.

"Kami 'menjaga' kawasan *market* Appollo (Pasar Pagi Appollo, Butterworth), jadi lepas waktu *market,* mulalah kerja kami membersihkan kawasan sekitar.



**ISHAK Ahmad ditemani isteri, Siti Zauyah Salleh.**



**SULAIMAN Ibrahimsah (dua dari kiri), Kamarudin Wan Chee (tiga dari kiri), Mohamed Che Dan (tiga dari kanan) dan Abdul Aziz Amir (kanan sekali) bersama-sama rakan Skuad 3D yang lain masing-masing menunjukkan pingat diterima.**

"Benda (perkara) yang membuat kami terkilan adalah apabila (kami) turut menjumpai sisa-sisa selain sisa *market* seperti lampin pakai buang, tin-tin minuman dan plastik pembungkus makanan," katanya yang berharap agar masyarakat lebih sensitif dengan persekitaran dan tidak membuang sampah sewenang-wenangnya.

Bagi **ALLAUDIN DAUD, 58,** beliau pernah berhadapan dengan situasi genting dan menakutkan.

"Pakcik pernah jumpa mayat manusia dalam parit masa pakcik jalankan kerja-kerja pembersihan, memang ngeri, tetapi dek tanggungjawab, pakcik memberanikan diri juga. Cuma mula-mula sahaja agak cuak sikit, tapi tak terlintas nak berhenti kerja," ceritanya yang menetap di Butterworth, SPU.

Tambah Allaudin, keadaan kini jauh berbeza berbanding masa tahun 1980-an dan 1990-an.

"La ni (sekarang ini) semua sudah senang, ada macam-macam alat, dulu kami bertugas cuma guna tangan dan cangkul sahaja," katanya yang bersyukur dengan penganugerahan P.J.M..

Rakan sepasukan, **K. KRISMALA DEVI, 30,** merupakan satu-satunya wanita yang menerima P.J.M bagi Skuad 3D MPSP.

"Tugas saya lebih kepada pentadbiran dan kerap kali berurusan dengan Pekerja Am yang lain," katanya ringkas.

Seramai 20 Pekerja Am PBT menerima P.J.M. sempena sambutan ulang tahun kelahiran ke-77 TYT tahun ini.

Hadir berkongsi kegembiraan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail, Setiausaha Bandaraya MBPP, Ir. Ang Aing Thye, Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

Tahniah dan ribuan terima kasih buat Skuad 3D!



**ISHAK Ahmad (barisan ketiga, kanan sekali) dan Che Saad Harun (depan, dua dari kanan) bergambar kenang-kenangan bersama Pemangku Pengarah Kejuruteraan MPSP, Rosnani Mahmud (depan, kiri sekali) pada majlis penganugerahan pingat PJM di sini baru-baru ini.**

## LENSA!



**PATAHIYAH Ismail dan Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif merakam gambar kenangan sebelum berlangsungnya majlis perasmian.**



**PIHAK urus setia yang komited bagi memastikan kelancaran majlis penganugerahan.**



**KETUA Menteri beramah-mesra dengan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar (dua dari kiri) yang hadir pada Istiadat Pingat Jasa Pahlawan Negara Negeri Pulau Pinang.**



**(Dari kiri), ISTERI kepada Speaker Dewan Undangan Negeri, Datin Teoh Hooi Tuang, isteri kepada Ketua Menteri, Betty Chew Gek Cheng, isteri kepada Setiausaha Kerajaan Negeri, Datin Seri Hamidah Mat Daud dan isteri kepada Timbalan Ketua Menteri I, Datin Nor Azizah Haron mengenakan busana berona sama pada majlis rasmi berkenaan.**

# Semarak semangat kerjasama demi pembangunan negeri - KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING & AMANDA KHONG XIA LING**

**GEORGE TOWN** – Rata-rata rakyat negara ini sedia maklum bahawa 16 September 1963 adalah tarikh keramat bagi seluruh rakyat Malaysia kerana ia menandakan kewujudan sebuah negara bangsa.

Namun, menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Ketua Menteri, Tuan Lim Guan Eng, 31 Ogos 1957 lebih diingati dan diraikan berbanding tarikh 16 September 1963.

“Hakikatnya, 16 September 1963 harus diingati kerana tarikh inilah negara Malaysia ditubuhkan dan wujud sebagai sebuah negara yang menyatukan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

“Kita harus semat dalam ingatan, tanpa Sabah dan Sarawak, maka tidak ada Malaysia kerana Sabah dan Sarawak adalah salah satu dari tiga komponen utama pembentukan Malaysia,” ucapnya pada Majlis Sambutan Hari Malaysia 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, isteri beliau, Betty Chew Gek Cheng, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan isteri, Datin Nor Azizah Haron, barisan Exco Kerajaan Negeri dan kepimpinan negeri yang lain.

Turut serta, pelajar-pelajar Sabah dan Sarawak dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Pelbagai persembahan kesenian dan kebudayaan dipersembahkan pada sambutan berkenaan, antaranya persembahan koir dari Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), tarian kebudayaan dan penampilan istimewa, selebriti yang juga model tempatan, Soo Wincci.



**PERSEMBAHAN kebudayaan yang dipersembahkan pada Majlis Sambutan Hari Malaysia 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Tambah Guan Eng, adalah wajar sebagai rakyat Malaysia yang jitu semangat patriotismenya memelihara perpaduan dan penyatuan yang terjalin sejak 52 tahun lalu, seterusnya memastikan Malaysia terus berada di landasan yang betul.

“Perpaduan adalah suatu nikmat yang amat berharga dan tidak ternilai harganya, oleh itu, saya ingin menyeru agar semua pihak terus menyemarakkan semangat kerjasama yang sedia terjalin tanpa mengira latar belakang dalam mengorak pembangunan yang lebih maju serta kesejahteraan semua pihak di Pulau Pinang,” ujarnya.



**KETUA Menteri sambil ditemani Mohd. Rashid Hasnon (berbaju batik merah hati) menyampaikan hadiah kepada wakil Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang.**

Dalam pada itu, turut diumumkan nama pemenang-pemenang bagi acara perbarisan sempena sambutan Hari Kemerdekaan Ke-58 Peringkat Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menjuarai acara perbarisan bagi Kategori Awam, diikuti tempat kedua, Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) (ketiga).

Bagi Kategori Swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dinobatkan sebagai juara, diikuti Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan Telekom Malaysia Berhad (ketiga).

Persatuan Bulan Sabit Merah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Jit Sin, Bukit Mertajam mengungguli Kategori Sekolah diikuti pasukan Kadet Remaja Sekolah (KRS) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Jambul (kedua) dan KRS SMJK Phor Tay (ketiga).

Bagi Kategori Institut Pengajian Tinggi, Komander Kesatria, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang muncul sebagai Johan diikuti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Bukit Mertajam (kedua) dan Kolej Matrikulasi Pulau Pinang (ketiga).

Bagi Kategori Pancaragam Terbaik, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) St. Xavier muncul juara diikuti SMJK Jit Sin (kedua) dan SMJK Chung Ling, Bukit Mertajam (ketiga).

*(Lagi gambar di muka surat 23).

# Surplas setiap tahun kerana tadbir urus kerajaan 'bersih'

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & SHUM JIAN-WEI**

**PANTAI JEREJAK** – Sumbangan RM1,000 Bantuan Daftar Masuk Universiti Awam boleh dilaksanakan sampai sekarang disebabkan Kerajaan Negeri mempunyai kemampuan mencapai lebihan kewangan tiap-tiap tahun sejak 2008 hingga 2013 yang keseluruhannya berjumlah RM453 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, angka surplas tersebut mendahului pencapaian Kerajaan Negeri era Barisan Nasional (BN) dalam tempoh 50 tahun lalu (1965 - 2007) yang direkodkan sebanyak RM373 juta sahaja.

“Kerajaan Negeri mampu membayar sebab Kerajaan Negeri terus berpegang kepada prinsip bahawa sebuah kerajaan bersih dapat menjalankan tata kelola dan urus tadbir kerajaan lebih baik dari sebuah kerajaan yang rasuah.

“Hasil Kerajaan Bersih (pada hari) inilah yang mendapat pujian bukan sahaja daripada Laporan Ketua Audit Negara, tetapi juga *Transparency International,”* ucapnya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Daftar Masuk Ke Universiti Awam Peringkat Pulau di Tapak Pesta Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Seramai 209 pelajar terpilih dari Daerah Timur Laut dan 95 lain dari Daerah Barat Daya menerima sumbangan 'emas' berkaitan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap ADUN Batu Maung) dan Wong Hon Wai (ADUN Air Itam merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri).

Guan Eng turut menyampaikan sumbangan kepada 234 penerima dari Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Daerah Seberang Perai Tengah (226) dan Daerah Seberang Perai Selatan (122) pada majlis berasingan di Dewan Ng Yam Huat dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Lalang baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri II merangkap ADUN Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti merangkap ADUN Bagan Jermal), Dato' Maktar Shapee (Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang merangkap ADUN Sungai Bakap), Lee Khai Loon (ADUN Machang Bubuk), Ong Chin Wen (ADUN Bukit Tengah) dan Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam) dan P. Kasthuriraani (Ahli Parlimen Batu Kawan) turut hadir pada majlis tersebut.



**NUR Syuhaida Mohd. Fauzi.**



**LEE Xin Xuan.**



**M. Irenaeus Anand Moses.**

Guan Eng dalam ucapannya semasa itu merakamkan ucapan takziah kepada jemaah Haji yang terlibat dalam kemalangan tren tumbang di Masjidil Haram, Makkah pada awal pagi Jumaat, 11 September lalu.

Beliau mengajak semua waris serta penerima sumbangan supaya bertafakur seketika atas kejadian mengejutkan itu, dengan Maktar dimohon memimpin bacaan Surah Al-Fatihah.

"Saya dan kita semua di sini tentu juga terkejut dan sedih atas kemalangan yang berlaku di Makkah.

"Marilah kita bertafakur seketika dan saya minta Ustaz Maktar Shapee membacakan Al-Fatihah kepada ahli keluarga yang terkorban atau tercedera," ucapnya.

Sementera itu, bagi penerima, Nur Syuhaida Mohd. Fauzi, 18, sumbangan itu akan digunakan untuk persiapan beliau ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Bertam kelak.

“Sumbangan ini sangat diperlukan kerana saya memang perlu sebuah komputer riba untuk buat kerja kursus masa semester nanti,” katanya yang juga pelajar diploma farmasi.

Nada yang sama turut disampaikan oleh Lee Xin Xuan, 19, mahasiswi jurusan Pengurusan Kewangan di Kolej Universiti Tunku Abdul Razak (Kolej TAR).

“Saya memang mengharapkan sumber pendidikan tambahan untuk persiapan belajar di kolej nanti, sangat seronok dengan bantuan pendidikan ini,” jelas beliau.

M. Irenaeus Anand Moses, mahasiswa jurusan Teknologi Maklumat (IT) di Universiti Tunku Abdul Razak (UTAR) turut melahirkan penghargaan atas sumbangan Kerajaan Negeri.

“Inilah pertama kali saya menerima sendiri sumbangan Kerajaan Negeri daripada Y.A.B. Ketua Menteri.

“Seperti yang diharapkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri supaya para penerima akan kembali berkhidmat di Pulau Pinang, saya berharap akan kembali ke negeri ini untuk bekerja tidak kira dalam sektor kerajaan atau swasta selepas tamat pengajian nanti,” ujarnya.

# Rabies: KN bertanggungjawab terhadap rakyat & keselamatan anjing bertuan

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyeru semua pihak termasuk pemilik anjing dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) agar terus berkerjasama memantau perkembangan penyakit wabak anjing gila atau rabies di negeri ini.

Jelasnya, Pulau Pinang kini berada dalam keadaan krisis kesihatan awam dan adalah wajar sekiranya ia tidak dijadikan modal politik.

"Kami (Kerajaan Negeri) hormati perjuangan untuk memelihara haiwan, tetapi mereka (pemilik anjing dan NGO) juga perlu hormati pendirian tegas Kerajaan Negeri untuk memelihara bukan sahaja haiwan tetapi juga keselamatan manusia khususnya anak-anak negeri Pulau Pinang.

"Pelaksanaan 'menghapuskan' semua anjing liar bagi mengelakkan rabies merebak dibuat berdasarkan nasihat pakar dan bukan keputusan Kerajaan Negeri sendiri.

"Malah, Pulau Pinang bukan negeri pertama yang mengambil pendekatan ini. Sebelum ini, Perlis dan Kedah juga melakukan perkara sama, tetapi, kenapa hanya Pulau Pinang sahaja dipersalahkan?

"Sekiranya tidak diambil tindakan segera, lebih ramai lagi individu berkemungkinan akan digigit oleh anjing terbiar dan mungkin juga anjing peliharaan bertuan dijangkiti rabies. Oleh itu, saya harap isu ini dilihat secara rasional dengan menggunakan logik dan bukannya beremosi," katanya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai.

Mengulas lanjut, Guan Eng turut meluahkan kekesalannya apabila ada sesetengah pihak cuba mengaitkan krisis kesihatan awam tersebut dengan memburuk-burukkan tindakan Kerajaan Negeri mewartakan Perintah Kawalan Jangkitan Penyakit Anjing Gila dan Perintah Suntikan Pencegahan Penyakit Anjing Gila (Negeri Pulau Pinang) 2015 di bawah Akta Binatang 1953 [Akta 647] baru-baru ini.

Sedangkan, kata Guan Eng, antara tahun 2003 sehingga 2005 (di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional, BN), sejumlah 6,054 ekor anjing telah ditembak dan ditakai *(culling)* dengan bayaran RM80 setiap ekor dibayar kepada dua syarikat swasta dilantik pada masa itu.

Bercakap pada sidang media sama, Afif menyatakan bahawa, sebelum mewartakan perintah kawalan berkenaan, Kerajaan Negeri terlebih dahulu mendapatkan pandangan dan nasihat pakar dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPVPP) dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) serta beberapa NGO berkaitan di negeri ini.

"Kes penyakit rabies ini pernah melanda Malaysia suatu ketika dahulu iaitu sekitar tahun 1999 dan pada tahun 2012, Malaysia telah mendapat status bebas penyakit rabies dari Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE).

"Tindakan yang sama (menakai) telah dilaksanakan ketika itu, tetapi kenapa kini Pulau Pinang pula dipersalahkan, sedangkan kes serupa dilaporkan di Perlis dan Kedah.

"Sepatutnya orang ramai tampil membantu Kerajaan Negeri membasmikan penyakit rabies dan bukannya mengadakan bantahan untuk penakaian anjing," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

## Kelulusan APDL, apa punca kelewatan, soal Exco kepada KPKT

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menyatakan kekecewaannya apabila kelulusan Permit Pengiklanan dan Lesen Pemaju *(Advertising Permit and Developer's License,* APDL) sengaja dilengah-lengahkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Sambil menyifatkan tindakan tersebut seperti mensabotaj ekonomi negeri, Jagdeep mendedahkan bahawa kira-kira 140 atau lebih industri yang terlibat secara langsung atau tidak dengan sektor pembangunan hartanah akan terjejas akibat kelewatan meluluskan APDL.

"Nilai Pembangunan Kasar (GDV) projek-projek perumahan mampu milik di Pulau Pinang ini mencecah berbilion ringgit dan jumlah industri yang terjejas ini dikeluarkan oleh REHDA (Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia), bukan rekaan.

"Sebarang kelewatan atau penafian permohonan APDL ini secara langsung bermaksud penafian pemajuan projek-projek perumahan untuk rakyat di Pulau Pinang," katanya dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.

Jelas Jagdeep, Menteri KPKT, Datuk Abdul Rahman Dahlan dalam Jawapan Lisan kepada Ahli Parlimen Bagan yang juga merupakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Dewan Rakyat pada 6 April lalu antara lain mendedahkan sebanyak 48 permohonan APDL untuk Pulau Pinang dalam tempoh bulan Ogos 2014 hingga April 2015 masih tertangguh.

"Terkini, sebanyak 81 permohonan masih belum diluluskan," jelas beliau.

Sehubungan itu, Jagdeep berhasrat untuk mengadakan pertemuan dengan Abdul Rahman bagi mencari penyelesaian terbaik berkaitan dengan kelulusan APDL dari Pulau Pinang.

"Kita (Kerajaan Negeri) ingin tahu apakah punca kelewatan, kerana semua permohonan APDL ini tidak ditolak mahupun dijawab oleh KPKT," katanya.

Terdahulu, ketika hadir merasmikan Pameran Projek Perumahan Mampu Milik oleh pemaju, PLB Land Sdn. Bhd. di pusat membeli-belah Queensbay Mall, Jagdeep memberitahu bahawa pihaknya kini sedang menghampiri persetujuan pembangunan projek perumahan mampu milik dengan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).




**JAGDEEP Singh Deo ketika berucap pada Majlis Perasmian Pameran Projek Perumahan Mampu Milik PLB Land Sdn. Bhd. di sini baru-baru ini.**

"PR1MA hanya perlu menghantar pelan pembangunan dan bersetuju mengikut segala peraturan dan undang-undang tempatan yang telah ditetapkan.

"Pastinya, kita (Kerajaan Negeri) menunggu perkembangan positif selepas perjumpaan dengan pihak PR1MA baru-baru ini," ujar beliau.

PR1MA telah mencadangkan untuk membangunkan 12,000 unit rumah mampu milik di beberapa kawasan di Pulau Pinang termasuk di Gelugor, Teluk Kumbar dan Balik Pulau.

# Mahukan pemain profesional, pemimpin juga perlu profesional - KM

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri bersedia memberi komitmen terhadap kepimpinan Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff yang menerajui Skuad Harimau Kumbang atau Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata, komitmen berkaitan adalah suntikan semangat kepada semua yang terlibat supaya pasukan bola sepak Pulau Pinang mampu terus kekal dalam Liga Super pada musim depan. Ini adalah berikutan kejayaan pasukan Pulau Pinang 'naik pangkat' ke Liga Super tahun depan.

"Berdasarkan rekod dan aksi cemerlang sebelum ini, Kerajaan Negeri yakin FAP ada rancangan yang baik, komitmen untuk terus kekal dalam Liga Super.

"Ini adalah berdasarkan pencapaian musim ini yang mana wujudnya pentadbiran profesional dalam FAP. Orang yang minat dalam sukan jadi presiden, sanggup korban masa, duit dan bukannya orang-orang politik," katanya pada Majlis Jamuan Makan Tengah Hari Bersama-sama Ahli-ahli FAP di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, barisan Exco, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, Presiden FAP, Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff dan Bendahari FAP, Datuk M. Murly.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu bahawa sebelum ini, Presiden FAP adalah berjawatan Ketua Menteri, namun, beliau menolak 'tradisi' tersebut kerana tidak tahu menahu mengenai pengurusan pasukan bola sepak.

"Mahukan pemain profesional, pemimpin juga perlu profesional dan jangan sekadar memegang jawatan agar 'syok sendiri'.

"Ahli politik harus melepaskan jawatan dan berikan laluan kepada pemimpin sukan yang berwibawa. Kerajaan Negeri tetap akan sokong mereka asalkan mereka profesional, berkemampuan dan bersih," ujarnya sambil mengucapkan syabas kepada seluruh pasukan FAP.



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan dengan Nazir Ariff Mushir Ariff (duduk, lima dari kiri) bersama-sama ahli FAP dan para pemain pasukan Bola Sepak Pulau Pinang pada Majlis Jamuan Makan Tengah Hari di sini baru-baru ini.



BARISAN pemain yang hadir.

# Ceburi keusahawanan flora, seru Rashid






Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BERTAM –** Timbalan Ketua Menteri 1, Dato' Mohd. Rashid Hasnon menyeru supaya para penduduk mengambil peluang menjalankan keusahawanan flora ekoran keadaan ekonomi dan nilai mata wang yang tidak menentu sejak kebelakangan ini.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan Perasmian Penutupan Karnival Usahawan Flora (Orkid) Kali Ke-2 di Bertam, Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU) di sini baru-baru ini.

Menurut Mohd. Rashid, tumbuhan hiasan yang dipamerkan bersempena penganjuran tersebut bukan hanya diminati oleh golongan wanita sahaja.



MOHD. Rashid Hasnon (kanan sekali) beramah-mesra dengan salah seorang pempamer pada penganjuran Karnival Usahawan Flora (Orkid) Kali Ke-2 di sini baru-baru ini.

"Sebaliknya, orkid yang merupakan tumbuhan menarik mempunyai peminatnya tersendiri tanpa mengira jantina, umur dan keturunan.

"Justeru, usahawan orkid tidak mempunyai masalah untuk mendapatkan pelanggan di mana-mana sahaja," ujarnya.

Turut hadir, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Zaini Awang dan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad.

Lebih daripada 3,000 jenis orkid dipamerkan pada penganjuran karnival yang berlangsung selama 10 hari berkenaan.

Mengulas lanjut, Mohd. Rashid memberitahu, keusahawanan flora umumnya dapat membuka peluang pekerjaan baru seperti di Jabatan Taman Botani, yang mana terdapat pengambilan pekerja-pekerja untuk menyemai dan menjaga tumbuhan di lokasi berkaitan.



ANTARA spesies orkid yang dipamerkan.

# Kerja '*special span*' hanya pada hujung minggu - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, mengumumkan lima nama Panel Jurutera Pakar Bebas untuk memastikan aspek keselamatan pembinaan rentang tuju istimewa *(special span)* bagi projek menaiktaraf Lebuhraya Bayan Lepas (BLE) dari Batu Maung ke Queensbay, Sungai Nibong tetap menjadi keutamaan, sungguhpun Kerajaan Negeri mahu projek tersebut dapat disiapkan sesegera mungkin.

Mereka, Pengerusi G&P Professionals Group, Datuk Ir. Dr. Gue See Sew, Ir. Hew Yoon Leong (Pintar Jurutera Perunding), Datuk Ir. Lim Kok Khong (M.E.I Project Engineers Sdn. Bhd.), Ir. Tham Kam Weng (T. Corp. Engineering Sdn. Bhd.,) dan Ir. Addnan Mohd. Razali (Pengarah Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP).

"Susulan daripada insiden kesesakan lalulintas pada 17 Ogos lalu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melantik Panel Jurutera Pakar Bebas.

"Panel tersebut akan meneliti pelan pengurusan lalulintas oleh pihak UEM Builders Berhad untuk menangani masalah lalulintas pada masa-masa lebuh raya ditutup pada aliran lalulintas.

"Oleh itu, perintah henti kerja ke atas '*special span*' akan ditarik balik untuk setiap hujung minggu dari jam 11 malam Jumaat (hari) Jumaat hingga 5.30 pagi (hari) Isnin, selepas semua kos bayaran dibuat oleh UEM Builders Berhad.

"Apabila Panel Jurutera Pakar Bebas ini dilantik, bukanlah bermakna kita (Kerajaan Negeri) mahu melengah-lengahkan projek yang memberi manfaat kepada rakyat Pulau Pinang ini.

"Kita pun mahu projek ini disiapkan sesegera mungkin, tetapi aspek keselamatan tetap mesti diutamakan.

"Ini langkah pertama, kita (Kerajaan Negeri) boleh pertimbangkan cadangan-cadangan lain (daripada JKR dan UEM Builders Berhad), asalkan projek ini boleh berjalan lancar," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada sidang media di sini baru-baru ini.



HASNUL Mohamad Salleh.



RUPA bentuk *'special span'* yang dalam proses pembinaan.

Ketetapan itu dibuat selepas Guan Eng berbincang dengan Pengarah Kanan Cawangan Jalan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR), Datuk Hasnul Mohamad Salleh, Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Projek Khas Zon Utara JKR, Mohd. Yusup Zahidin dan Pengurus Pemajuan bagi UEM Builders Bhd., Ir. Ismade Ismail.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) turut menyertai majlis perbincangan tersebut.

Tambah Guan Eng, Panel Jurutera Pakar Bebas turut mengkehendaki JKR melantik firma Jurutera Penyemakan Bebas sepanjang tempoh pembinaan sehingga projek disiapkan, dengan kos bayaran ditanggung oleh agensi persekutuan tersebut.

Langkah itu, jelasnya adalah demi mengelak insiden runtuhan penyambung susur keluar Jambatan Kedua Pulau Pinang (JK2PP) yang meragut empat nyawa pengguna jalan raya tersebut pada awal bulan Jun 2013 berulang lagi.

Kerja-kerja pemajuan projek yang menelan belanja RM337 juta itu secara rasminya bermula pada 1 April 2014 dan dijangka siap dalam tempoh 24 bulan pada tarikh 31 Mac 2016.

Panjang lebuh raya yang akan dinaiktaraf adalah 4.4 kilometer.

Difahamkan, tiga bahagian rentang tuju yang bakal dibina dalam projek tersebut umumnya adalah terpanjang di Malaysia, setiap satu, sepanjang 170 meter, selebar 18 meter, serta berat keseluruhannya 14,000 tan atau 6,400 berat minimum satu-satu bahagian konkrit tersebut.

# Isu Tanah Wakaf Abdul Kader, 32 terima tawaran MAINPP

**GEORGE TOWN** – Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) masih menawarkan pampasan berupa "rumah ganti rumah" untuk kesemua 14 pemilik rumah di atas Tanah Wakaf Abdul Kader dekat Butterworth pada 31 Ogos lepas.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, langkah itu adalah atas faktor perikemanusiaan sungguhpun MAINPP mahu projek tanah wakaf tersebut dimulakan sesegera mungkin.

"Rancangan projek pembangunan di atas tanah wakaf itu telah terbantut meskipun pada tahun 2010, agensi Kerajaan Pusat, iaitu Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) telahpun memperuntukkan sejumlah RM50 juta untuk membina 470 unit rumah pangsa kos sederhana rendah setinggi 22 tingkat.

"Ia, dirancang bagi tujuan penempatan semula sejumlah 46 pemilik rumah yang terlibat juga," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JAINPP), Datuk Sazali Hussein.

Mewakili Yang di-Pertua MAINPP, Abdul Malik memberitahu, kesemua 46 pemilik rumah terlibat pada 1 September 2010 telahpun ditawarkan "rumah ganti rumah" berkeluasan 1,000 kaki persegi.

Jelasnya, MAINPP turut bersedia untuk menanggung kos bayaran sewa rumah sementara berjumlah RM500 sebulan bagi tempoh masa sehingga projek pemajuan tanah wakaf tersebut siap.

"Selain itu, RM4,000 elaun pindah keluar dan RM3,500 elaun pindah masuk akan dibayar kepada mereka yang terbabit, dengan RM4,000 elaun pindah keluar akan dibayar kepada keluarga berkelamin sahaja.

"Setelah tempoh penerimaan tawaran yang berakhir pada 15 September 2010, hanya 32 penghuni bersetuju dengan tawaran ini, manakala, 14 penghuni lain masih enggan atas pelbagai alasan," ujar beliau yang juga Ahli Majlis bagi MAINPP.

Mengulas lanjut, Abdul Malik berkata, pada 25 Oktober 2010, MAINPP memutuskan untuk mengambil tindakan perundangan ke atas mereka yang enggan mengosongkan tanah wakaf Lot 208, Seksyen 2 Jalan Mengkuang, Butterworth.



ABDUL Malik Abul Kassim menunjukkan salinan keratan akhbar berhubung isu Tanah Wakaf Abdul Kader pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

"MAINPP melalui Peguam Panelnya pada 31 Mac 2011 telahpun menghantar notis berwajib supaya 14 penghuni terbabit mengosongkan tanah wakaf tersebut dalam tempoh tiga bulan, namun, masih diingkari oleh mereka berkenaan.

"Susulan itu, MAINPP pada 6 April 2011 mengfailkan saman pemula.

"Pada tarikh sama, satu kuasa tindakan yang difailkan oleh salah seorang penduduk terhadap MAINPP di Mahkamah Tinggi Syariah, namun ditolak, serta tiada rayuan susulan dikemukakan oleh pihak berkaitan," ujarnya.

Kata beliau, Mahkamah Sesyen pada 28 Februari 2014 memihak kepada MAINPP, dengan kos RM1,000 perlu dibayar oleh kesemua penghuni kepada MAINPP.

"Penduduk kemudiannya mengfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi, namun ditolak pada 28 Oktober 2014 dengan mereka diarah membayar kos RM2,000 kepada MAINPP, serta tiada rayuan lain dibuat hingga tempoh rayuan luput selepas itu.

"Rentetan keputusan penghakiman bertarikh 28 Februari 2014, MAINPP pada 10 Februari lepas mengfailkan Writ Milikan Kosong ke atas lot tanah wakaf tersebut pada 9 April dan 10 April 2015.

"Namun, mesyuarat MAINPP kemudiannya menangguhkan pelaksanaan Writ Milikan Kosong atas rasa perikemanusiaan dan timbang rasa.

"Ekoran itu, MAINPP sekali lagi menawarkan sesalinan surat tawaran bertarikh 29 Jun 2015 dan diserahkan kepada semua penghuni tersebut," jelas beliau.

Tambah Abdul Malik, pada 12 Ogos lepas mengadakan rundingan dengan 14 penduduk terbabit, dengan menawarkan sekali lagi surat tawaran sama, sebagaimana diterima oleh 32 pemilik rumah asal terdahulu pada bertarikh 1 September 2010.

"31 Ogos lepas adalah tarikh akhir untuk 14 penghuni terbabit untuk menerima pampasan "rumah ganti rumah" yang ditawarkan oleh MAINPP, tetapi sehingga kini tiada maklum balas lanjut.

"Tawaran 'rumah ganti rumah' masih dibuka kepada 14 pemilik asal rumah terbabit atas rasa timbang rasa dan perikemanusiaan, sehinggalah suatu tarikh baru akan ditetapkan oleh MAINPP untuk melaksanakan Writ Milikan Kosong dalam masa terdekat ini," ujarnya.

# Sia Boey bakal dilengkapi LRT bawah PIP - KM

Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, tapak pasar lama yang dikenali sebagai Sia Boey di tengah-tengah bandar raya George Town akan turut dilengkapi dengan kemudahan Transit Aliran Ringan (LRT) demi memudahkan pengunjung ke kawasan seni dan kebudayaan unggul tersebut kelak.

"Di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP), akan diwujudkan LRT demi memudahkan (pengunjung) ke tapak warisan dan seni ini," ucapnya pada Majlis Pelancaran Pembukaan Pameran "Kelahiran Semula Sia Boey" di perkarangan pasar lama Prangin di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut, Keretapi), Lim Hock Seng, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua Kiam Wee.

Selepas itu, Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam menyaksikan majlis tandatangan antara Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar dan Khadijah Abdul Khalid daripada Yayasan Haji Zainuddin, serta dua pihak lain.

Guan Eng memberitahu projek tersebut akan menelan kos pembiayaan berjumlah RM100 juta, termasuk RM30 juta yang akan ditaja oleh Ilham Penang.

Jelasnya, projek tersebut dijangka menjana pulangan nilai pembangunan kasar (GDV) kira-kira RM500 juta kelak.

Difahamkan, PDC bersetuju memberi pajakan 30 + 30 tahun tanah berkeluasan 0.6 hektar itu kepada Yayasan Haji Zainuddin.

Sebagai balasan, Yayasan bersetuju melabur RM30 juta untuk membina dan menampung kos operasi dan penyelenggaraan sepanjang tempoh masa pajakan tersebut.

Muzium seni yang akan dibina sekurang-kurangnya 45,000 kaki persegi ruang galeri, dikira terbesar di Malaysia.

Tambah Guan Eng, muzium tersebut turut menyediakan sebuah kafe atau restoran, perpustakaan, 200 kerusi auditorium dan penyimpanan kemudahan terkini.

"Muzium ini percuma untuk kanak-kanak sekolah, manakala, orang dewasa hanya dikenakan bayaran nominal.

"Apabila siap, Ilham Pulau Pinang pasti akan pergi jauh ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi antarabangsa pilihan.

"Lebih penting lagi, pada zaman kelembapan ekonomi dan ketidaktentuan, Ilham Pulau Pinang akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan semula bandar," ujarnya.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, beliau sendiri telah mengambil perjalanan ke *Southbank* di London untuk menyemak Galeri Tate Modern.

"Ia (Galeri Tate Modern) pernah menjadi sebuah kawasan terbiar di mana anda akan menyaksikan rompakan atau dirompak.

"Malah, pemandu teksi tidak berani membawa anda ke tempat itu. Tetapi, hari ini, ia adalah di London.



BANGUNAN - bangunan yang terdapat di sekitar Sia Boey kini.




LAKARAN grafik selepas tapak Sia Boey dibangunkan sebagai lokasi seni dan kebudayaan unggul Pulau Pinang.

"Ia membawa masuk semula bandar dan yang menunjukkan seni juga boleh menjadi pemangkin ekonomi dan pemandu.

"Mudah-mudahan, projek ini akan melancarkan Pulau Pinang ke dalam dimensi lain," kata beliau.

Menurut Guan Eng lagi, Kerajaan Negeri mampu memajukan semula kawasan terbiar 'Sia Boey' menjadi suatu projek pembangunan komersial yang membawa pulangan GDV RM500 juta.

"Tetapi, adakah kita mahu satu lagi 'hutan' terbiar...kami (Kerajaan Negeri) mahu melakukan sesuatu yang baik untuk masyarakat dan mewujudkan pusat warisan dan seni untuk anak-anak kita," jelasnya.

Sempena pelancaran itu, terdapat pameran awam di Pasar Prangin sehingga 13 September lalu.

Ia, bertujuan untuk meraikan masa lalu, masa kini dan masa depan Sia Boey, dengan paparan sejarah Sia Boey yang kaya dengan kenangan.

# Cecil Rajendra penerima Anugerah Khazanah Warisan P. Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** – Peguam hak asasi manusia terkenal yang juga seorang aktivis dan penyair, Cecil Rajendra, 74, dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khazanah Warisan Pulau Pinang 2015 atau *'The Living Heritage Treasure of Penang Award 2015'* di sini baru-baru ini.



A. Samad Said (kiri sekali) menyampaikan Anugerah Khazanah Warisan Pulau Pinang 2015 kepada Cecil Rajendra (dua dari kanan) sambil diperhatikan Ketua Menteri dan Datuk Anwar Fazal (kanan sekali) pada majlis penyampaian anugerah berkenaan di baru-baru ini.

Pengiktirafan itu sekaligus membolehkan beliau menerima anugerah dan ganjaran tunai dari Tabung Amanah Persatuan Warisan Pulau Pinang (PHT) yang disampaikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bersama-sama Sasterawan Negara, Datuk A. Samad Said atau lebih dikenali sebagai Pak Samad dalam satu majlis di *Upper Penang Road* di sini.

"Pulau Pinang pastinya berbangga dengan sumbangan dan pencapaian Cecil yang bukan sahaja menyentuh hati, tetapi juga jiwa bangsa yang mengingatkan semua bahawa kita perlu berdiri teguh sebagai satu entiti jika mahu negara maju ke hadapan.

"Figura seperti Pak Samad dan Cecil memainkan peranan yang penting dalam perkembangan karya sastera dan juga aktiviti aktivisme hak asasi manusia bukan sahaja dalam negara, malah turut dimartabatkan di persada antarabangsa," ucapnya pada Majlis Penyampaian Anugerah PHT Khazanah Warisan Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, para panel hakim Datuk Sharom Ahmat, Datuk Anwar Fazal, Hamdan Majeed, Laurence Loh dan Ho Sheau Fung.

Dalam majlis sama, Guan Eng turut menyerahkan cek tunai berjumlah RM2,000 kepada tujuh penerima Anugerah Khazanah Warisan Pulau Pinang terdahulu antaranya N.B. Samarasena (pakar jauhari), Sim Buck Teik (pakar anyaman rotan), Ooi Sew Kim (pemilik kumpulan boneka Hokkien) dan Wan Dee Aroonratana (pakar kebudayaan Thai Menora).

Pak Samad turut mendeklamasikan sajak istimewa buat tetamu yang hadir pada majlis berkaitan.

Cecil dilahirkan di Pulau Pinang dan mendapat pendidikan di Institusi St. Xavier sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti Singapura seterusnya ke Lincoln's Inn, London dalam bidang perundangan.

Mendapat jolokan *'The Lawyer-Poet'*, Cecil juga pernah menerima Anugerah Kemanusiaan Sepanjang Hayat Malaysia (*The Malaysian Lifetime Humanitarian Award*) dan dicalonkan sebagai penerima Hadiah Nobel dalam bidang Kesusasteraan.

# Laporan selesai kes Shaik Hussein, KM saman malu UM, BH

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng akan mengfailkan saman malu ke atas akhbar Utusan Malaysia (UM) dan Berita Harian (BH), gara-gara enggan menyiarkan perkara sebenar melalui kenyataan dikeluarkan beliau di sini mengenai lafaz permohonan maaf sebanyak dua kali daripada Shaik Hussein Mydin, sebelum Penghakiman Persetujuan diumumkan pada 20 Ogos lalu.

"Seolah-olah saya pula menarik saman fitnah itu tanpa syarat, sungguhpun Shaik Hussein Mydin sebenarnya (melafazkan) dua kali permohonan maaf dengan syarat disiarkan dalam media-media terbabit.

"Nampaknya Utusan Malaysia (UM) dan Berita Harian (BH) enggan menyiarkan perkara sebenar yang disaksikan oleh Pesuruhjaya Kehakiman (Y.A. Dato' Nordin Hassan), saya akan mengfailkan saman malu ke atas dua media terbabit," jelas Guan Eng kepada wartawan di sini hari ini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng dan Wong Hon Wai (Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri) turut menyertai sidang media itu.

Terdahulu, Guan Eng bersetuju menarik balik saman fitnah yang difailkan di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada bulan Oktober 2012, apabila Shaik Hussein dikatakan bersetuju menarik balik semua tuduhan yang disiarkan di beberapa media sebelum ini.

Bagimanapun, Shaik Hussein yang juga bekas Ketua Pemuda Umno pada sidang media selepas *consent judgement* itu menafikan pula beliau melafazkan permohonan maaf kepada Guan Eng.

Sehari kemudian, Penasihat Undang-Undang Ketua Menteri, Raja Syarafina Raja Shuib mengeluarkan kenyataan berhubung perkara 'sebenar' berdasarkan salinan Penghakiman Persetujuan berwajib.

Kata Raja Syarafina, Shaik Hussein memohon maaf secara lisan sebanyak dua kali kepada Guan Eng, dengan disaksikan oleh Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Nordin Hassan di kamarnya, sebelum Penghakiman Persetujuan direkodkan.

"Penyelesaian secara baik di luar mahkamah dipersetujui apabila Shaik Hussein berjanji untuk antara lain, memohon maaf secara lisan daripada Ketua Menteri dalam Kamar Hakim serta menarik balik kenyataan berunsur fitnah dalam media tanpa syarat.

"Shaik Hussein Mydin secara lisan telah dua kali memohon maaf kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Lim Guan Eng (Guan Eng), di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Pulau Pinang," jelas beliau dalam satu kenyataan bertulis di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Guan Eng bersetuju menarik balik saman fitnah yang difailkan di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada bulan Oktober 2012, apabila Shaik Hussein dikatakan bersetuju menarik balik semua tuduhan yang disiarkan di beberapa media sebelum ini.

Bagimanapun, Shaik Hussein pada sidang media selepas Penghakiman Persetujuan direkodkan, menafikan pula beliau melafazkan permohonan maaf kepada Guan Eng.

Penyelesaian secara baik di luar mahkamah tersebut melalui suatu Penghakiman Persetujuan bertarikh 19.8.2015 di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman Datuk Nordin Hassan, telah dijalankan berikutan persetujuan Shaik Hussein untuk melakukan, antara lain, seperti berikut -

(a) membuat tawaran permohonan maaf secara lisan kepada Guan Eng dalam Kamar Hakim; dan

(b) menarik balik kenyataan berunsur fitnah tanpa syarat *(unconditional retraction)*.

Bagi mengelakkan keraguan, permohonan maaf secara lisan tersebut tidak dinyatakan di dalam Penghakiman Persetujuan atas permintaan bertulis Shaik Hussein melalui surat daripada peguam beliau bertarikh 31.7.2015, yang mana seterusnya dipersetujui Guan Eng dengan murah hati.

Meskipun demikian, permohonan maaf secara lisan telah sememangnya diutarakan dengan jelas oleh Shaik Hussein kepada Guan Eng sebanyak dua kali di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman serta peguam kedua-dua pihak.

# Perjanjian penswastaan laksana projek terbengkalai 30 tahun

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek pembangunan bercampur di Paya Terubong yang terbengkalai sejak lebih 30 tahun lepas akan disiapkan dalam tempoh 12 bulan, dengan keseluruhan komponen pembangunan dijangka siap pada hujung tahun 2018.

Jelasnya, Kerajaan Negeri komited menyiapkan projek tersebut kerana pemaju bersetuju dengan cadangan membina 205 unit rumah mampu milik untuk dimasukkan sebagai komponen pelan pembangunan yang baru.

"Kerajaan Negeri telah berunding semula dengan Syarikat Patsifit Construction Sdn. Bhd. yang pada asalnya telah terlibat dengan pemajuan asal projek ini dan mempersetujui supaya satu cadangan pembangunan baru dibina bersama komponen perumahan mampu milik.

"Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menyediakan lebih banyak rumah mampu milik kepada rakyat Pulau Pinang," ujarnya kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam menyaksikan majlis tandatangan perjanjian persefahaman (MoU) antara Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI), S. Bharathi selaku tuan tanah dan pihak swasta, John Tan Kok Hooy (Pengarah Patsifit Construction Sdn. Bhd.).

Hadir sama, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), Wong Hon Wai (Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam) dan Loh Aik Teong (wakil Patsifit Construction).

Dalam komponen pelan pembangunan dipersetujui bersama, difahamkan, sebuah blok bangunan yang terdiri oleh 205 unit rumah mampu milik berkeluasan 850 kaki persegi beserta satu tapak parkir percuma, dengan harga siling RM280,000 seunit akan dibina di atas tanah Lot 11511.

Di atas tanah Lot 8826 pula, satu blok empat tingkat yang terdiri oleh pasar, kompleks penjaja dan pusat komuniti akan dibina, lalu diserahkan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan bayaran nominal RM1 sahaja.

Selain itu, dua blok kedai pejabat dua tingkat yang terdiri oleh 60 unit keseluruhan pemajuan berstrata turut akan dibina di atas tanah Lot 8824 dan 8825.

Justeru, Guan Eng memberitahu, pemaju perlu mengemukakan semula pelan berkaitan untuk kelulusan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam tempoh sebulan mulai tarikh perjanjian ditandatangani, pada 7 September 2015.

"Rundingan terus telah diadakan... ini syarikat dari Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri dengan kerjasama MBPP akan memproses permohonan bagi projek ini secara *fast track* untuk membolehkan kelulusan diperoleh dalam tempoh tahun ini (2015)," jelas Guan Eng yang juga ADUN Air Putih.



**JAGDEEP Singh Deo (empat dari kiri) bertukar-tukar dokumen dengan John Tan Kok Hooy (tiga dari kanan) sambil disaksikan Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.**

Terdahulu, Kerajaan Negeri era Barisan Nasional pada 27 April 1987 memeterai perjanjian penswastaan dengan syarikat Bina Nusa Sdn. Bhd. untuk memajukan projek pembangunan bercampur di atas tanah Lot 8813 dan 8829, berkeluasan 41.1 ekar.

Komponen pembangunan asal yang terdiri oleh 1,570 unit rumah kos rendah, 1,420 unit kos sederhana rendah berjaya disiapkan dan telah diduduki.

Baki, 224 rumah kos sederhana rendah yang lain masih belum dibina serta tertangguh, memandangkan blok perumahan tersebut di atas tanah curam dan berbukit.

Kompleks perdagangan tiga tingkat yang terdiri oleh 16 lot kedai, 18 *flatted factories* serta pasar awam kering dan basah di bawah komponen asal projek tersebut turut terbengkalai sehingga kini, susulan syarikat Bina Nusa diisytiharkan muflis.

# Karnival Rumah Inap Penanti 28 Nov. 'ala-ala Kerala'

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



**CONTOH *houseboat* dalam industri pelancongan rumah inap di atas sungai dekat Kerala, India.**

**PENANTI –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin mahu menjadikan Kampung Terus dengan sungai yang indah di sini sebagai hub industri pelancongan berasaskan rumah inap atas perahu kecil, sebagaimana terkenal di daerah Kerala dekat India.

Karnival Rumah Inap Penanti akan dilaksanakan pada 28 November ini yang turut meliputi kawasan sungai Kampung Tun Sardon dan Kampung Mengkuang Titi di sini, yang mana ia adalah suatu *long range planning*, iaitu satu perancangan untuk melengkapkan satu perancangan lain ke arah impian yang disebut oleh Norlela.

"Jeti ini dalam satu-satu masa boleh memuatkan 30 bot kecil, pengunjung yang menyertai karnival ini nanti antaranya berpeluang menikmati keindahan flora dan fauna dari Kampung Terus di sini hingga ke Hutan Pelajaran Air Hitam (dekat Tasek Gelugor).

"Sebenarnya, sungai ini adalah *backwater* (bahagian sungai yang airnya tidak mengalir), sebab itu kandungan mineralnya sangat tinggi dan begitu selamat untuk aktiviti pelancongan.

"Kalau boleh, dibangunkan industri rumah inap terapung sebab di Pulau Pinang memang tiada lagi *houseboat*, macam industri pelancongan ala-ala Kerala, yang mana rumah inap di atas bot-bot kecil terapung di atas sungai ini," jelasnya kepada wartawan, selepas melawat projek pemajuan jeti Kampung Terus yang hampir siap sepenuhnya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan merangkap ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizan Wan Ismail dan Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Amir Md. Ghazali.

Difahamkan, projek pemajuan jeti Kampung Terus menelan kos RM60,000 dari kelulusan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), susulan Norlela dan sekumpulan nelayan setempat memohon daripada Kerajaan Negeri, semasa Pilihan Raya Kecil Parlimen Permatang Pauh lalu.

"Walaupun aktiviti nelayan di jeti ini tidak sepenuh masa, tetapi, keindahan sungai dan Kampung Terus di sini sangat berpotensi untuk aktiviti pelancongan, macam *magical land* sebenarnya bagi mereka yang kali pertama datang ke sini," jelas Norlela.

Norlela memberitahu bahawa projek mega industri rumah inap atas bot-bot kecil terapung di sungai *backwater* tersebut telahpun dibentangkan kepada Jawatankuasa Mesyuarat Tetap Pembangunan Pelancongan Negeri, Jabatan Perhutanan serta agensi-agensi persekutuan berwajib, dan kini dalam proses menunggu kelulusan peruntukan serta pelaksanaan lanjut.



**PEMANDANGAN di jeti Kampung Terus di sini.**

# Exco, *Jump Street* rai anak-anak istimewa



**JAGDEEP Singh Deo (berbaju putih) dan Mike McCreadie (tengah, berbaju biru) bersama-sama kanak-kanak dari Rumah Anak Yatim Ramakrishna Ashram mengibarkan jalur gemilang sempena lawatan mereka ke *Jump Street Trampoline Park* pada sambutan Hari Kemerdekaan Ke-58 di sini baru-baru ini.**

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**UNIK..** Sempena sambutan Hari Kemerdekaan Ke-58 baru-baru ini, seramai 41 kanak-kanak dari Rumah Anak Yatim Ramakrishna Ashrama dibawa khas untuk merasai keseronokan melompat trampolin di *Jump Street Trampoline Park* di sini.

Selain untuk keseronokan, inisiatif khas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo tersebut juga adalah didorong oleh faktor-faktor kecergasan dan demi kesihatan kumpulan kanak-kanak berkaitan khususnya.

Katanya, walaupun trampolin tidak begitu popular dalam kalangan rakyat Malaysia, ia bagaimanapun merupakan aktiviti kecergasan yang bukan sahaja mengeluarkan peluh, malah juga membakar kalori.

Dalam pada itu, Pengurus Besar Jump Street Asia, Mike McCreadie yang turut hadir menyatakan bahawa, difahamkan bagi setiap 10 minit lompatan trampolin, ia adalah bersamaan dengan aktiviti larian selama 30 minit.

Terdapat kira-kira lapan gelanggang trampolin disediakan di *Jump Street Trampoline Park* khas untuk pengunjung melakukan pelbagai aktiviti lompatan bebas.

# Program *HEARTSafe Penang* hadapi situasi serangan jantung

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – Pulau Pinang bakal muncul sebagai negeri pertama yang sedia menangani situasi kecemasan serangan penyakit kardiovaskular atau lebih dikenali sebagai penyakit jantung dengan pelancaran program *HEARTSafe Penang* baru-baru ini di sini.



**MODEL alat bantuan AED.**

Lanjutan itu, beberapa kawasan utama yang dilihat 'berisiko tinggi' bakal dilengkapkan dengan 10 unit (satu kawasan satu unit) alatan bantuan kecemasan Defibrilator Luaran Automatik (AED) bagi tujuan berkaitan secara berperingkat.

Ini termasuk, Taman Botani, Taman Perbandaran, *Gurney Drive*, Padang Kota Lama, *Golden Sands Beachfront*, MPSP Tower, Bukit To'Kun, Kompleks Sukan di Jalan Betik dan Kompleks Sukan Bertam.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, Pulau Pinang dalam rancangan melaksanakan program komuniti bagi mendidik orang awam mengenalpasti ciri-ciri serangan jantung secara tiba-tiba, melakukan CPR, menggunakan AED dan cara bertindak balas terhadap kecemasan serangan jantung.

"Inisiatif ini adalah sebagai persiapan awal dalam menghadapi situasi serangan jantung membabitkan kawasan awam, selain bagi kepentingan awam dan pelawat ke negeri ini.

"Justeru, bagi melaksanakan program ini, kita (Kerajaan Negeri) akan bekerjasama dengan organisasi latihan, para profesional dalam bidang kesihatan dan rakan kongsi industri untuk memberi latihan kepada orang ramai," ucapnya pada Persidangan Asia Pasifik Pertama Jururawat Bantuan Pernafasan-Kelangsungan Hidup Serangan Jantung di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng hadir menyempurnakan majlis perasmian persidangan berkaitan.

Hadir sama, Pengarah Operasi Asia Pasifik ZOLL Medical Corporation, Christopher Barnabas dan Naib Presiden CPR Pulau Pinang, Dr. Luah Lean Wah

Mengulas lanjut. Afif memberitahu, setiap tahun di Pulau Pinang, hampir 3,000 individu mati disebabkan penyakit jantung.

"Sekiranya lebih ramai orang mendapatkan pendidikan bantuan pernafasan kecemasan (CPR) dan cara penggunaan AED yang lebih meluas, kadar kelangsungan hidup boleh meningkat kepada 62 peratus," ujar beliau.

Pelaksanaan *HEARTSafe Penang* merangkumi tiga peringkat iaitu, pertama, meningkatkan kesedaran dan memberi didikan di seluruh Pulau Pinang berhubung pengesanan awal dan bahaya serangan jantung secara tiba-tiba. Kedua, pemasangan AED di 10 kawasan dikenalpasti secara berperingkat dan ketiga, latihan dan tindak balas awam dalam melakukan CPR serta penggunaan AED.



**DR. Afif Bahardin ketika berucap pada Persidangan Asia Pasifik Pertama Jururawat Bantuan Pernafasan-Kelangsungan Hidup Serangan Jantung di sini baru-baru ini.**

# 'Bayar balik' biasiswa dengan kejayaan - ADUN

**BERTAM** – Seramai 132 penerima Skim Biasiswa Kecil Negeri (SBKN) peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Dua, Pinang Tunggal dan Penaga menerima sumbangan biasiswa RM600 atau RM840 yang keseluruhannya berjumlah RM95,520 daripada Kerajaan Negeri.



**WONG Hon Wai (depan, dua dari kanan) sambil ditemani Zahar Zainul (depan, kanan sekali) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Penyampaian Sumbangan SBKN peringkat KADUN Sungai Dua, Pinang Tunggal dan Penaga di sini baru-baru ini.**

Wong Hon Wai selaku Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, dalam ucapannya berharap, sumbangan itu dapat digunakan sebaik mungkin untuk keperluan pengajian di sekolah semata-mata.

"Biasiswa ini adalah peluang anda membantu diri sendiri dengan belajar bersungguh-sungguh, untuk mengubah masa depan keluarga.

"Jangan lupa 'bayar balik' biasiswa ini dengan kembali membawa kejayaan dalam pelajaran, dan berkhidmat untuk rakyat Pulau Pinang suatu hari nanti," ucapnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam pada Majlis Penyampaian Sumbangan SBKN peringkat KADUN Sungai Dua, Pinang Tunggal dan Penaga di sini baru-baru ini.



**NURUL Izzati Auruz sambil ditemani Auruz Wahab menunjukkan sumbangan diterima.**

Pegawai Penerangan Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri, Zahar Zainul, Ahmad Nazar Sharin (Penghulu KADUN Pinang Tunggal), Lay Hock Peng (Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti, JKKK Kepala Batas) serta dua Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ahmad Tarmizi Abdullah dan Mohamad Shaipol Ismail turut sertai majlis pemberian sumbangan tersebut.

Dalam pada itu, waris penerima, Auruz Wahab, 55, melahirkan rasa syukur kepada Allah kerana anak bongsunya, Nurul Izzati Auruz, 14, murid dari Maahad Al-Imam An-Nawawi menerima sumbangan berkaitan.

"Ini kali pertama untuk anak bongsu saya dapat biasiswa kecil daripada Kerajaan Negeri.

"RM600 ini banyak bagi keluarga kami, dapatlah menampung keperluan belajar anak saya ini," ujar Auruz kepada wartawan.

Difahamkan, seramai 1,591 pelajar terpilih menerima sumbangan tahunan kira-kira RM1.2 juta di bawah skim biasiswa tersebut setakat ini.



**STEVEN Sim Chee Keong (dua dari kanan) dan M. Ganesh (tengah) ketika menziarahi Khosim Hat di Hospital Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.**

# USJ PDRM perlu lebih ramai anggota - MP

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BERAPIT**– Unit Siasatan Jenayah (USJ) Polis Diraja Malaysia (PDRM) memerlukan lebih ramai anggota supaya insiden seorang polis dalam tugas diserang dipercayai lebih 20 warga asing di Bukit Tengah tidak lagi berulang.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong berkata demikian selepas melawat mangsa, Koperal Khosim Hat yang masih menerima rawatan di Hospital Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.

"Orang seperti Koperal Khosim Hat (Khosim) ini merupakan anggota contoh, di mana beliau benar-benar berkhidmat melawan jenayah sehingga merisikokan bahaya pada nyawa sendiri.

"Sudah beberapa kali saya katakan di Parlimen supaya bilangan mereka yang melawan jenayah ini tidak boleh 10 peratus sahaja, tetapi mesti ditingkatkan lagi.

"Ini penting supaya polis betul-betul mampu melawan jenayah dan melindungi masyarakat kita," jelasnya kepada wartawan, selepas menyampaikan buah tangan kepada keluarga mangsa.

Ketua Balai Polis Bukit Mertajam, Inspektor M. Ganesh, timbalannya, Sarjan Major Eong Andim dan Tan Keng Chao (Pembantu Khas kepada Ahli Parlimen Bukit Mertajam) turut sertai lawatan ringkas itu.

Terdahulu, mangsa dipercayai diserang oleh lebih 20 warga asing semasa membanteras aktiviti perjudian di sebuah kilang memproses makanan ayam di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bukit Tengah.

Susulan itu, Ketua Polis Daerah (OCPD) Seberang Perai Tengah (SPT), Asisten Komisioner Rusli Mohd. Noor dalam satu kenyataan berasingan dilaporkan berkata, lapan lelaki Nepal serta lima wanita Vietnam dan Indonesia ditahan berhubung kejadian tersebut.

Khosim merupakan anggota Unit Peronda Bermotosikal dari USJ Ibu Pejabat Polis Daerah SPT.

# Masalah dengan sekolah vernakular

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work



ZAIRIL Khir Johari (kiri sekali) mengecat semula lukisan mural Jalur Gemilang terpanjang di Malaysia di Jalan Tanjung Bunga sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-58.

**SATU** soalan yang sering dilemparkan kepada saya, biasanya dengan niat provokasi, adalah sama ada saya menyokong pemansuhan pendidikan venakular, dan sejajar dengan itu sama ada saya percaya bahawa jawapan kepada masalah perpaduan negara kita terletak pada pendidikan satu aliran.

Jawapan saya setiap kali saya diajukan soalan ini adalah tidak, dan bukan kerana saya meluahkan jawapan politik semata-mata. Saya mengatakan tidak kerana saya percaya kepada pilihan dan persaingan dalam pendidikan, serta hakikat bahawa bahasa pengantar mahupun komposisi etnik sekolah bukanlah punca perpecahan atau faktor yang menyebabkan kecenderungan kepada perkauman.

Ya, mungkin premisnya mudah dipercayai – sekiranya anak-anak kita ke sekolah yang terdiri daripada hanya satu bangsa dan bercakap satu bahasa, maka mereka akan mengalami kesukaran dalam pergaulan mereka dengan yang mempunyai rupa dan bahasa yang berbeza.

Pemikiran beginilah yang dicetuskan kembali baru-baru ini oleh Menteri Pendidikan baru Dato' Seri Mahdzir Khalid, yang mengumumkan bahawa modul pembinaan negara yang dikenali sebagai "Bina Bangsa" akan diperkenalkan tahun depan di peringkat sekolah rendah, bagi menangani apa yang difikirkan oleh beliau sebagai punca perpecahan dalam kalangan rakyat Malaysia, yakni kekurangan interaksi antara kanak-kanak daripada aliran sekolah yang berlainan.

Menjelaskan rasional untuk program ini, Mahdzir merungut bahawa sekolah kebangsaan menghadapi kesukaran menarik bukan Bumiputera kerana kewujudan sekolah vernakular, yang menyediakan pendidikan dalam bahasa ibunda Cina dan Tamil. Oleh itu, satu program wajib diperlukan untuk memaksa kanak-kanak sekolah vernakular untuk bergaul dan beramah mesra dengan rakan-rakan mereka dari sekolah-sekolah lain.

Walaupun idea menggalakkan penglibatan yang lebih silang budaya wajar dipuji, dan dengan sendirinya tidak menjadi masalah, rasional di sebalik logik Menteri Pendidikan untuk melaksanakan program ini adalah amat terpesong.

Pertama, andaian bahawa sekolah vernakular memupuk perpecahan manakala hanya sekolah kebangsaan dapat menyatukan rakyat Malaysia adalah satu anggapan yang salah dari segi empirikal.

Bertentangan dengan persepsi umum, sekolah kebangsaan kini sebenarnya lebih mono-etnik berbanding dengan sekolah-sekolah vernakular Cina. Walaupun sekolah kebangsaan pada 1960-an dan 1970-an boleh berbangga dengan kemasukan bukan Bumiputera yang tinggi, trend ini telah lama melihatkan penurunan. Malah, menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), murid Bumiputera kini merupakan 94 peratus daripada enrolmen di sekolah rendah kebangsaan. Ini bermakna bahawa enrolmen bukan Bumiputera di sekolah kebangsaan telah menurun kepada paras rendah iaitu hanya 6 peratus.

Sementara itu, PPPM juga melaporkan bahawa pendaftaran bukan Cina di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina telah meningkat kepada 12 peratus – dan semakin meningkat. Ini secara langsung bermakna sekolah-sekolah Cina hari ini lebih berciri pelbagai kaum berbanding sekolah kebangsaan. Malah, ada sekolah Cina dengan jumlah enrolmen bukan Cina yang sangat besar. Satu contoh ialah SJKC Tiong Hua Kok Bin di Klang, yang mempunyai kira-kira 45 peratus pelajar bukan Cina.

Hakikat bahawa semakin kurang ibu bapa bukan Bumiputera memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan manakala lebih ramai ibu bapa Bumiputera kini memilih sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina lantas meleburkan mitos bahawa sekolah-sekolah vernakular adalah punca perpecahan kaum dan membuktikan bahawa ibu bapa lebih mementingkan kualiti pendidikan dan daya saingan sebagai pertimbangan utama dalam pemilihan sekolah.

Kedua, menurut logik Mahdzir ini, semua murid Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) akan menjadi manusia rasis yang bersifat syak wasangka terhadap bukan Melayu atas dasar sekolah tersebut dikhaskan hanya untuk Melayu. Walau bagaimanapun, saya benar-benar boleh mengesahkan bahawa hal ini tidak benar, kerana saya mempunyai ramai kawan dan saudara-mara yang pernah belajar di sana.

Pada masa yang sama, saya juga mempunyai rakan-rakan yang belajar di sekolah jenis kebangsaan Cina sepanjang tempoh pendidikan mereka, dan hari ini menjadi warga Malaysia sejati yang cintakan negara sebagaimana rakan saya daripada MCKK. Dalam nada yang sama, saya juga mengenali ramai orang Eropah yang membesar dalam persekitaran seluruhnya Caucasian tanpa berjumpa dengan mana-mana orang bukan-Eropah sehinggalah alam dewasa, namun tidak sedikit pun taksub dalam cara pandang dunia mereka.

Pada masa yang sama, meskipun anak-anak kita bersekolah di sekolah kebangsaan tetapi berulang kali diberitahu agar tidak makan, bergaul dan beramah mesra dengan rakan-rakan bukan Islam mereka, atau bahawa kaum lain adalah pendatang yang tidak berhak dilayan serata dengan mereka, bagaimanakah cara pandang dunia yang akan mereka bentuk?

Sebenarnya, bukan komposisi etnik atau bahasa yang digunakan dalam persekitaran seseorang itu yang membentuk cara pandang hidupnya, sebaliknya nilai-nilai yang disampaikan di sekolah dan di rumah. Selagi sekolah-sekolah kita menggalakkan rasa hormat dan menghargai warisan masing-masing serta meraikan kepelbagaian budaya sebagai sumber kekuatan, maka pastinya anak-anak kita akan membesar menjadi rakyat Malaysia yang sopan dan terangkum.

Justeru, jika kita menghadapi masalah perpecahan pada hari ini, mungkin kita perlu secara serius mempersoalkan nilai-nilai dan naratif yang tersemai dalam sukatan pelajaran sistem pendidikan kita, dan bukannya beralih menyalahkan sekolah aliran berlainan yang telah kita warisi sejak Merdeka lagi.

Oleh itu, masalah dengan sekolah vernakular bukanlah sekolah vernakular itu semata-mata, tetapi pendapat sesat yang tersebar luas bahawa sekolah-sekolah ini mewujudkan perpecahan kaum dan menjadi penghalang kepada keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia. Lagipun, saya ragu-ragu jika ada ahli Perkasa yang bersekolah di sekolah Cina.



BERSAMA-sama barisan pelakon Teater Muzikal P. Ramlee termasuk Datin Sri Tiara Jacquelina, Tony Eusoff, Nadia Aqilah dan Datuk Aznil Nawawi.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbktengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>- | - |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>- | - |
| **SUNGAI DUA**<br>- | - |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012-594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>- | - |
| **PULAU BETONG**<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017-460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | - | - |
| N2 | Bertam | 019 - 593 3736 | Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | 017 - 424 9371 | Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | - | - |
| N5 | Sungai Dua | - | - |
| N6 | Telok Air Tawar | 017 - 595 9891 | Norfatin |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | Kamal<br>Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | Tira |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | Mr.Lim<br>Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | Andrew Chin<br>Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | Chan<br>Lai |
| N16 | Perai | 04 - 399 6689 | Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | G.Dumany<br>Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | Abdul Halim<br>Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | Norjuliana<br>Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | 0111-508 0215 | Siti Hajar |
Bagi Kategori Sekolah Menengah, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Padang Polo diumumkan sebagai pemenang dan melayakkan mereka membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,400, Kedua, SMK Agama (Lelaki) Al-Mashoor (RM1,300) dan Ketiga, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Sacred Heart (RM1,200).

**Pertama di MALAYSIA**
Rakyat Pulau Pinang menikmati dividen kerajaan baik
*One-Off:*
Pertama di Malaysia
RM1,000 Urusan Jenazah
RM1,000 IPTA
RM200 Bayi dilahirkan di Pulau Pinang
Pelajar (Tahun 1 & 4, Tingkatan 1 & 4)
DAFTARLAH SEKARANG! di pejabat ADUN ANDA!
RM100 / tahunan :
Warga Emas
Ibu Tunggal
OKU
Suri Rumah
RM100 sebulan
Penarik Beca
RM600 tahunan :
TEKSI
Pemandu Teksi
Sumbangan pukat 2 kali setahun
Nelayan
*Tertakluk pada syarat
Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat

# *Delta Eco Night Run* didik umum pulihara alam semulajadi

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DANNY OOI ENG KEAT**

**TANJUNG BUNGA –** Program kebajikan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) anjuran syarikat pembekal peralatan pejabat, Delta Business Solutions Sdn. Bhd. (Delta), *Delta Eco Night Run* yang memasuki tahun keempat adalah bertujuan mendidik umum mengenai pemuliharaan alam semulajadi.

Penganjuran yang diadakan di Taman Botani di sini turut memperoleh sokongan dari Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Lions Club George Town*.

Memeriahkan acara yang dihadiri Exco Belia & Belia, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari adalah semangat kira-kira 1,500 peserta yang bukan sahaja beramal bagi tujuan berkaitan, malah mencuba sesuatu yang berbeza iaitu berlari pada malam hari.

Pengarah Urusan Delta, Choo Eng Hin berkata, melalui larian ini, para peserta dapat menikmati penorama dan suasana kehijauan semulajadi pada waktu malam.

"Ini secara tidak langsung mampu mewujudkan sifat dengan lebih mendalam terhadap alam sekitar kerana suasana pada waktu malam sambil dikelilingi alam semulajadi adalah amat berbeza yang mana membuatkan kita merasa lebih dekat dengan ia,'' ucapnya pada Acara Pelepasan Para Peserta Delta Eco Night Run di sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, Delta turut menyerahkan sumbangan RM13,700 kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam menjayakan program Anugerah Komuniti Mampan 2015 pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan.

Turut diadakan, acara cabutan bertuah yang menawarkan pelbagai hadiah menarik berupa barangan elektronik, gajet, baucar membeli-belah dan pakej bermalam di hotel terkemuka di sini.

Dalam pada itu, Chong Eng memberitahu, Kerajaan Negeri sememangnya menyambut baik acara sukan bagi melahirkan generasi Pulau Pinang yang sihat.

"Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri yang mahu menjadi sebuah negeri yang sihat, kita amat mengalu-alukan penganjuran aktiviti sukan.

"Bahkan Pulau Pinang merupakan negeri yang banyak melahirkan atlet-atlet kebangsaan dalam pelbagai bidang sukan," ujar beliau.



**ZAIRIL Khir Johari (tengah, berbaju biru) bergambar kenangan dengan para peserta *Delta Eco Night Run* di sini baru-baru ini.**

## Bukit Cherok To'kun berpotensi jadi lokasi pelancongan baru negeri



**SEBAHAGIAN peserta *Ultramarathon Epic Valley Malaysia Eco 100* merakam gambar kenangan sebelum memulakan cabaran di sini baru-baru ini.**

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BUKIT MERTAJAM –** Bukit Cherok To'kun di sini berpotensi menjadi daya tarikan baru pelancong ke Pulau Pinang selain aktiviti melawat Tapak Warisan UNESCO di George Town.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng ekoran penganjuran acara sukan lasak, *Ultramarathon Epic Valley Malaysia Eco 100* yang disertai 400 peserta dari dalam dan luar negara di sini baru-baru ini.

"Bukit Cherok To'kun akan menjadi satu laluan yang sangat indah dan sangat menarik untuk peserta yang datang melawat Malaysia buat kali pertama.

"Ini adalah ekoran sifat fizikalnya yang mencabar dan sesuai dengan penganjuran sukan sebegini. Malah, apa yang lebih membanggakan adalah lokasi ini menjadi pilihan penganjuran acara *Ultramarathon Epic Valley Malaysia Eco 100* yang pertama kali diadakan di Semenanjung negara,'' ucapnya sebelum melepaskan para peserta acara berkenaan di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengerusi Epic Valley Holdings Sdn. Bhd., Ng Seow Kong, merangkap penganjur program berkaitan.

Dianggarkan, 70 peratus hingga 80 peratus laluan *Ultramarathon Epic Valley Malaysia Eco 100* yang dilangsungkan dalam tempoh dua hari adalah melalui kawasan-kawasan seperti kelapa sawit, kebun getah, ladang nanas, kampung-kampung, kampung baru, sawah padi dan Bukit Cherok To'kun.

Antara kategori yang dipertandingkan adalah 100 kilometer (km), 50km dan 13km.

## Zumba beri inspirasi senam hujung minggu keluarga -ADUN

Gambar : **ALISSALA THIAN**


**TEH Lai Heng (depan, tengah, berbaju hijau) bergambar kenangan dengan para peserta Program Zumba 'Komuniti Bersukan, Rakyat Sihat,' di sini baru-baru ini.**

**KOMTAR –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng menyatakan bahawa senaman tarian zumba kini mula menjadi suatu tarikan kepada rakyat dalam negara yang ingin mengamalkan gaya hidup sihat dan cergas.

Jelas beliau, zumba adalah lebih berpaksikan elemen masyarakat yang mana ia tidak memerlukan kemudahan atau peralatan khusus, mudah dipelajari serta boleh dilaksanakan secara berkumpulan mahupun sendiriran.

"Zumba akan memberi fokus bukan sahaja tentang amalan hidup sihat, sebaliknya memberi inspirasi kepada rakan dan keluarga untuk bersama-sama bersenam pada hujung minggu.

"Matlamat utama penganjuran ini adalah bagi melahirkan masyarakat Pulau Pinang yang sihat dan harmoni membabitkan semua peringkat lapisan masyarakat,'' ucapnya pada Majlis Perasmian Program Zumba 'Komuniti Bersukan, Rakyat Sihat,' di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti, Chong Eng, Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang, (MBPP) S. Sukumar dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Macalister, Cheah Sze Phat.

Dalam pada itu, Lai Heng turut memuji JKKK Macalister kerana berjaya menarik kira-kira 300 peserta dalam penganjuran sulung berkenaan.



**AKSI sebahagian peserta.**

# Kerisik Mak Su Zan dibuat *fresh*, beraroma

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**KEPERCAYAAN** dan peluang yang diberikan oleh seorang kenalan merupakan asas kepada kejayaan perniagaan Abdul Manap Che Aide dan isterinya, Norizan Hashim, 46.

Kira-kira setahun bergelar sebagai pembekal isi kelapa, Abdul Manap dan Norizan yang lebih dikenali dengan gelaran Pak Su dan Mak Su Zan menganggap ia sebagai rezeki daripada Allah.

Ketika Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara tiba di kediaman pasangan yang terletak berhadapan dengan landasan keretapi di Kampung Kubang Menerong, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara (SPU), hanya Mak Su (Zan) yang kelihatan, Pak Su Zan telah keluar menghantar kelapa, jawab Norizan kepada kami.

Ditemani beberapa saudara-mara dan anak bongsunya, Abdul Muiz, 9, Mak Su Zan tidak lokek berkongsi pengalaman suka-duka beliau dalam bidang berkenaan.

Tanpa sebarang latar belakang dalam bidang perniagaan, Mak Su (Zan) menyatakan bahawa ketika menerima pelawaan daripada seorang rakan untuk menceburi bidang berkaitan, suaminya yang ketika itu bekerja kilang menyatakan bahawa beliau 'tidak pandai'.

"Lantas, bagi menyakinkan Pak Su (Zan), dia (rakan) kata kerja ni tidak perlu pandai, hanya kena rajin sebab *business* ni tiap-tiap hari orang makan.

"Selepas kami suami isteri berbincang, kami pun cuba dan alhamdulillah, kini, kami merupakan pembekal utama isi kelapa kepada peniaga-peniaga santan di pasar Sungai Petani, Kedah, Kepala Batas (Seberang Perai Utara, SPU), Butterworth, Bagan Ajam dan Penanti (Seberang Perai Tengah, SPT)," jelasnya.

Kini, menurut Mak Su Zan, setiap hari pada hari biasa, beliau perlu memenuhi purata permintaan sebanyak 500 kilogram (kg) isi kelapa dan ia mampu mencecah 700kg pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad.

Malah, pada musim perayaan, memang tidak menang tangan memenuhi permintaan yang datang berganda.

Istimewanya, menurut Mak Su Zan, isi kelapa yang dibekalkan beliau adalah yang betul-betul berkualiti. Malah, selepas kelapa dikupas dan dibuang tempurung, ia akan melalui proses khas iaitu 'mencium' bau kelapa.

"Semua kelapa yang bakal dibekalkan akan dicium baunya bagi memastikan ia adalah betul-betul elok sebelum dihantar kepada pelanggan.

"Kalau tak elok, kita akan letak asing untuk dibuat bahan lain," jelas beliau yang dikurniakan empat cahaya mata itu.

Apabila Mak Su Zan menyatakan bahawa kelapa tidak elok diasingkan untuk memproses bahan-bahan lain, di kala itu terdetik pada penulis untuk mengetahui dengan lebih lanjut.

Tanpa berlengah, Mak Su Zan terus membawa kami ke sebuah bengkel yang terletak bersebelahan dengan lokasi memproses kelapanya.

Beliau membuka sebuah bekas makanan dan mengacau 'bahan' di dalamnya. Sangat harum dan manis bau ia dan apabila penulis menjenguk, dengan pantas, Mak Su Zan memberitahu ia adalah kerisik.

Tidak dinafikan, aroma kerisik Mak Su Zan adalah sukar dijelaskan dengan kata-kata!

Mak Su (Zan) memberitahu, isi-isi kelapa yang berbau masam dan tidak 'lulus' dalam proses 'mencium' akan dicuci semula sebelum dikisar dan kemudian dijemur.

"Ia perlu dijemur sehingga betul-betul garing dan sekiranya hujan, ia dikira rosak dan tiada pilihan lain selain dibuang. Selepas dijemur, ia kemudian digoreng sehingga berwarna keperang-perangan sebelum dikisar.

"Mak Su (Zan) belajar buat kerisik daripada mak, buat untuk keluarga makan. Apabila kuantiti bertambah kini, Mak Su (Zan) pandai-pandai agak bahan serta tempoh masa yang diperlukan," ujar beliau.

"Keunikan kerisik Mak Su (Zan) adalah ia tiada bahan campuran lain selain kelapa. Malah, ia juga dibuat secara *fresh* dan tiada minyak lain yang ditambah selain minyak yang keluar daripada kelapa itu sendiri.

"Ada kerisik yang Mak Su (Zan) beli dari kedai, ia tidak wangi, malah, ada yang rasanya agak pelik sebab pengusaha letak minyak 'tambahan' masa proses menggoreng.

"Bagi mereka yang menggunakan hampas kelapa, kerisik akan menjadi lebih hitam dan jika guna kelapa tidak *fresh*, ia akan menyebabkan rasanya tidak sedap," ulas beliau.



**NORIZAN Hashim atau Mak Su Zan sedang menggoreng kelapa untuk dijadikan kerisik.**



**ISI kelapa dijemur sehingga kering sebelum digoreng.**

Mak Su Zan yang merupakan anak keempat daripada lima beradik itu tidak menafikan bahawa cabaran utama dalam bidang perniagaan adalah kepelbagaian ragam pelanggan dan sifat dengki sehingga mencetuskan fitnah dan persaingan tidak sihat.

"*Customer* ada macam-macam ragam, kalau tak tahan, memang tak tahan lah.

"Pelanggan pernah hantar balik 400kg kelapa sebab katanya tak elok. Kami rugi sampai RM4,000 hingga RM5,000.

"Masa itu, memang sedih dan Pak Su Zan sudah putus asa, kata tak nak buat (tidak ingin teruskan). Namun, rakan tu cakap kena sabar, inilah cabaran perniagaan, pujuk dia.

"Bagi kerisik pula, ada yang fitnah kata kami guna hampas kelapa.

"Apapun, berpegang kepada prinsip bahawa cabaran dalam perniagaan tetap akan dihadapi, alhamdulillah, atas berkat Allah, kami mampu bertahan sehingga kini," kata beliau.

Bagi perancangan masa depan, Mak Su Zan menyatakan bahawa beliau ingin memiliki premisnya sendiri untuk memperbesarkan perusahaan kerisik beliau. Pada masa sama, ingin menambahbaik pembungkusan sedia ada.

Ketika ditanya minat anak-anaknya untuk meneruskan bidang perniagaan berkaitan, Mak Su Zan menyatakan bahawa hanya Abdul Muiz yang mempunyai minat tersebut.

"Mak Su (Zan) selalu bawa dia untuk kutip bil dan memang tauke-tauke kedai pun sudah gelar di 'tauke kecik'," jelasnya sambil diintai Abdul Muiz dari celah pintu rumah.




**KERISIK yang sedia untuk dipasarkan.**

**INFO :**
**Visda Mutiara Trading**
**1955, Kubang Menerong,**
**13300 Tasek Gelugor, SPU.**
**017 - 447 3644 (Abdul Manap Che Aide)**
**017 - 480 5924 (Norizan Hashim)**
**FB: visda mutiara trading**

Sambutan Hari Malaysia 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang.



















# MBPP tidak lindungi syarikat papan iklan tiada lesen – Ahli Majlis

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DANNY OOI ENG KEAT**

**BAYAN LEPAS –** Garis panduan baru di bawah Undang-undang Kecil Iklan 2000 yang diperkenalkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bermula Julai lalu adalah bertujuan membasmi pemasangan papan iklan tidak mengikut garis panduan di sini.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ahli Majlis MBPP, Ong Ah Teong semasa membuat pemantauan kerja-kerja perobohan papan iklan haram yang terletak berhadapan dengan lokasi pelancongan popular, Tokong Ular Pulau Pinang.

Katanya, Majlis akan menyenaraihitamkan nama pemilik, syarikat dan agensi yang gagal serta mengabaikan pematuhan notis penurunan papan iklan yang dikeluarkan.

"Jika mereka (pemilik) enggan menurunkannya sendiri, kita (Majlis) akan lakukannya. Tetapi, kos perobohan akan dibilkan kepada syarikat berkenaan.

"Sekiranya kos tersebut gagal dibayar, nama dan syarikat tersebut akan disenaraihitamkan selama enam bulan.

"Selepas enam bulan dan pemilik masih enggan bayar, pembaharuan papan iklan tidak akan diperbaharui," tegasnya yang juga merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MBPP pada sidang media di sini baru-baru ini.



ONG Ah Teong (berbaju kuning) ditemani beberapa anggota Penguatkuasa MBPP sedang membuat persiapan untuk merobohkan papan iklan haram berhadapan Tokong Ular Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



RUPA bentuk papan iklan gergasi yang dirobohkan.

Seramai 20 Penguatkuasa MBPP terlibat dalam kerja-kerja perobohan papan iklan gergasi yang mengambil masa hampir 10 jam untuk diturunkan itu.

Ah Teong memberitahu, sejak garis panduan baru tersebut diperkenalkan, sebanyak tiga syarikat telah disenaraihitamkan melibatkan kesalahan pinda saiz, pindah lokasi dan tanpa kebenaran.

"Tindakan ini sekaligus menyangkal dakwaan sesetengah pihak bahawa MBPP melindungi beberapa syarikat yang tidak berlesen.

"Sepanjang program pemutihan papan iklan dijalankan pada Ogos 2012 hingga Jun 2013, sebanyak 312 papan iklan telah diturunkan. Ini termasuk papan iklan dinding, bumbung dan *'stand alone'*.

"Kita (MBPP) tidak akan melakukan pemutihan secara drastik sekiranya kita melindungi syarikat tertentu," jelas beliau.

# Kempen *'Pedestrian is King of the Road'* didik pemandu peka

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Bagi meningkatkan kesedaran umum terutamanya para pengguna jalan raya berhubung tanda isyarat lintasan pejalan kaki, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengambil inisiatif meluluskan cadangan pelaksanaan Kempen *'Pedestrian is King of the Road'* di sini baru-baru ini.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Lalulintas MBPP, Muhammad Bakhtiar Wan Chik, kempen tersebut adalah bertujuan mendidik para pemandu agar lebih peka dan memberi laluan kepada pelintas jalan di kawasan yang mempunyai lintasan berkaitan.

"Kempen ini adalah untuk menggalak dan mendidik para pemandu agar peka dan memberi laluan di kawasan yang mempunyai lintasan pejalan kaki.

"Mereka (para pengguna jalan raya) perlu mengutamakan pelintas jalan tanpa perlu menunggu lampu isyarat.

"Bagaimanapun, kempen ini tidak menggalakkan para pejalan kaki melintas jalan-jalan besar dengan kapasiti kenderaan yang tinggi yang secara tidak langsung mengundang bahaya kepada diri dan juga pemandu-pemandu lain,'' katanya ketika ditemui selepas Mesyuarat Biasa Majlis MBPP di Dewan Bandaraya, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.



MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik ketika membentangkan pengesahan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Lalulintas pada Mesyuarat Biasa Majlis MBPP di sini baru-baru ini.

Tambah Muhammad Bakhtiar, Majlis akan memperkenal dan mempromosikan kempen berkenaan di media-media massa seperti radio, surat khabar dan media sosial.

"Sebagai tambahan, bagi melancarkan ia (kempen), MBPP akan melantik dan menggunakan khidmat syarikat yang mempunyai kepakaran dalam bidang demikian.

"Kita akan lantik syarikat yang berkelayakan agar mereka dapat merancang dan menyusun strategi kempen," ujarnya.

Pada perkembangan lain, Majlis turut melulus dan bersetuju dengan kenaikan kadar caj kompaun untuk kesalahan meletak kereta di luar petak sebanyak RM50 dengan pengurangan 50 peratus dalam tempoh 14 hari dari tarikh kesalahan. Tarikh kuatkuasa adalah pada 1 Oktober ini.




CHONG Eng (memegang bendera Pulau Pinang) dan Zairil Khir Johari (memegang bendera Malaysia) menyempurnakan acara pelepasan peserta penganjuran SCI Penang Peace Run Ke-26 di sini baru-baru ini.

# Setiap insan dikurnia dengan bakat tersendiri - Exco

Gambar : **LAW SUUN TING**

**KEBUN BUNGA –** Penganjuran SCI Penang Peace Run Ke-26 yang turut membabitkan golongan kurang upaya (OKU) adalah amat bermakna terutamanya dalam meningkatkan keazaman golongan berkaitan untuk berjaya dalam kehidupan masing-masing.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng ketika hadir merasmikan acara amal yang dianjurkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Service Civil International Penang Chapter* (SCI Penang Chapter) di sini baru-baru ini.

"Saya ingin menyeru supaya setiap golongan OKU melihat kepada keistimewaan yang terdapat dalam diri sendiri agar ia lebih 'menyerlah' kerana saya percaya bahawa setiap insan dikurniakan dengan bakat yang tersendiri.

"Pada masa sama, program ini juga sejajar dengan Paradigma Pulau Pinang yang mana golongan minoriti adalah tidak dipinggirkan daripada penganjuran aktiviti sihat yang melibatkan mereka yang sempurna dari segi sifat fizikal.

"Malah, saya berpegang kepada kepercayaan bahawa sekiranya sesebuah negeri ingin maju dan muncul sebagai bandaraya bertaraf antarabangsa, maka setiap warga negeri adalah perlu diberi peluang yang adil dan saksama," ucap beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Turut hadir, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, Presiden SCI Malaysia Penang Chapter, A. Athimulam dan Ahli-ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Pada penganjuran tersebut, kira-kira 300 peserta OKU mengambil bahagian daripada jumlah keseluruhan, 1,000 peserta.

Turut diadakan, pemeriksaan kesihatan percuma, cabutan bertuah dan pertunjukan konsert.




SEBAHAGIAN peserta OKU yang mengambil bahagian.

# Bajet MPSP 2016, RM149 juta tingkat perkhidmatan

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Yang di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu bahawa perancangan Bajet 2016 pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan adalah berasaskan *'outcome'* atau keberhasilan melalui Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (GRPB) bagi memenuhi keperluan rakyat dari kumpulan yang berbeza.

"Buat pertama kalinya, bilangan responden antara lelaki dan wanita adalah seimbang dan ini membolehkan analisis membabitkan keperluan kedua-dua gender dijalankan tanpa berat sebelah.

"Umumnya, soal selidik Bajet 2016 MPSP telah diadakan pada 29 April hingga 31 Mei lalu menggunakan empat bahasa dan jumlah penyertaan adalah sebanyak 3,312 maklumbalas," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan ahli-ahli majlis bagi MPSP.

Menurut Maimunah, Bajet 2016 MPSP memperlihatkan jumlah perbelanjaan adalah berjumlah RM265,101,944.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM149,660,845 akan dibelanjakan untuk meningkatkan perkhidmatan MPSP.

"Ini termasuk aspek kebersihan meliputi RM98.99 juta, dikuti keselamatan dan lalulintas (RM17.54 juta), infrastruktur dan kemudahan awam (RM8.95 juta), kawalan banjir (RM11.51 juta), penguatkuasaan undang-undang (RM4.49 juta), pengindahan serta kehijauan (RM5.06 juta) dan penglibatan komuniti (RM3.12 juta)," jelasnya.




MAIMUNAH Mohd. Sharif dan Sr. Rozali Mohamud menunjukkan salinan Bajet 2016 MPSP pada sidang media di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, bagi meringankan beban peniaga-peniaga dan warga Seberang Perai, MPSP juga memutuskan untuk memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi menanggung caj Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) ke atas sewaan pasar awam, kompleks makanan, dewan orang ramai, bayaran meletak kereta, permohonan permit kanopi, sewaan kemudahan majlis seperti tong sampah dan tandas bergerak.

Mengulas lanjut, Maimumah memberitahu, MPSP menganggarkan defisit berjumlah RM20.30 juta daripada jumlah perbelanjaan yang telah diluluskan berbanding anggaran pendapatan sebanyak RM244.81 juta bagi tahun hadapan.

## Tangguh program gotong-royong jika jerebu kian teruk - Ahli Majlis

**PENAGA –** Beberapa program gotong-royong komuniti anjuran Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sendiri mungkin ditangguhkan jika Indeks Pencemaran Undara (IPU) kian mencecah bacaan sangat tidak sihat.

Menurut Ahli Majlis MPSP, Zaini Awang, komuniti disarankan duduk di rumah sahaja jika bencana jerebu kian teruk, sungguhpun program gotong-royong komuniti demi mencegah penukaran kes demam denggi juga adalah keutamaan bersama.

"IPU di Seberang Perai pada 15 September 2015 adalah 163, dalam paras tidak sihat.

"Seperti pada awal pagi Sabtu (12 September 2015), bacaan IPU 91, masih dalam bacaan sederhana saja.

"Jika mencecah bacaan 100 hingga 200 (tidak sihat) atau 200 hingga 300 (sangat tidak sihat) sebelum cecah bacaan bahaya (melebihi 300), komuniti lebih digalakkan duduk di rumah sahaja.

"Gotong-royong cegah pembiakan denggi ini memang penting, tetapi, jaga kesihatan masa jerebu juga lebih penting," jelasnya pada Majlis Gotong-Royong Bersama-Sama Ahli Majlis MPSP di Kampung Datuk di sini baru-baru ini.

Hampir 100 orang sertai program komuniti, dengan sokongan Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Datuk.



BEBERAPA sukarelawan gigih membersihkan kawasan sekitar pada penganjuran program Gotong-Royong Bersama-sama Ahli Majlis MPSP di sini baru-baru ini.

## Kempen berkesan, 10 lagi papan tanda 'karikator monyet' akan dipasang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), P. David Marshel berkata, 10 lagi papan tanda kempen menyamakan mereka yang membuang sampah di merata-rata tempat dengan karikator monyet akan dipasangkan di beberapa lokasi yang dikenal pasti.

"Lebih kurang 90 peratus sampah di beberapa kawasan pembuangan sampah haram nampaknya semakin berkurangan apabila papan tanda kontroversi ini dinaikkan.

"Walaupun ada kritikan daripada orang awam dan beberapa pihak media tertentu kononnya papan tanda ini seakan menghina Orang Hutan, tetapi, akhirnya media-media tersebut menyiarkan laporan yang positif, apabila melihat keberkesanan papan tanda kempen ini.



P. David Marshel (kanan) dan M. Satees menunjukkan reka papan tanda baru yang menonjolkan karikator monyet sebagai ikon kempen mencegah aktiviti pembuangan sampah haram pada sidang media di sini baru-baru ini.

"Kita akan memasang 10 lagi papan tanda seperti ini, dengan menukar gambar monyet kepada karikator monyet sebagaimana disyorkan oleh beberapa pihak, asalkan kempen ini terus memberi kesedaran kepada komuniti kita," jelasnya pada sidang media di Pejabat Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai di sini baru-baru ini.



PAPAN tanda yang didirikan di salah sebuah tapak pembuangan sampah haram.

Turut hadir, Ahli Majlis MPSP, M. Satees.

Menurut David Marshel, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dalam lawatan kerjanya ke Seberang Perai baru-baru ini turut memuji kaedah kempen kreatif ini, yang diusahakan melalui MPSP terbabit.

"Mereka (MBSJ) juga telah meminta kebenaran daripada saya untuk mendirikan papan tanda seumpama di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) mereka, tetapi saya cakap tiada hak cipta terpelihara pada reka papan tanda ini.

"Sesiapa sahaja boleh mengambil reka papan tanda ini, jika mereka berasa ia berkesan untuk mengajak tiap-tiap orang membanteras pembuangan sampah haram," ujarnya.

Sebelum itu, Satees memberitahu bahawa beliau bersama-sama David Marshel akan mengeluarkan peruntukan masing-masing bagi membiayai pemajuan 10 papan tanda tersebut yang meliputi ketiga-tiga daerah, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan.

10 lokasi yang dicadangkan oleh Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MPSP adalah di Taman Desa Damai, Taman Belatok (dekat Nibong Tebal), Taman Seri Kijang, Taman Bukit Minyak, Taman Tangling Jaya, Pusat Perniagaan Sungai Dua, Taman Semilang (dekat Seberang Jaya) serta Jalan Siram, Taman Kerapu dan Kampung Paya (dekat Butterworth).

# Laluan pejalan kaki & basikal Lebuh Campbell dinaiktaraf

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Dalam menggalakkan aktiviti berbasikal di sekitar Tapak Warisan Dunia UNESCO, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan menaiktaraf laluan pejalan kaki dan basikal Lebuh Campbell hingga Lebuh Buckingham pada September 2015.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng ketika membuat tinjauan di kawasan berkenaan berkata, kerja-kerja penaiktarafan membabitkan laluan sepanjang 700 meter tersebut akan dijalankan secara berperingkat hingga Disember ini.

"Kerja menaiktaraf hanya akan dijalankan pada waktu malam sahaja iaitu bermula 10 malam hingga 5 pagi. Ini kerana, kita (MBPP dan Kerajaan Negeri) tidak mahu perniagaan di sini terjejas sepanjang proses kerja ini.

"Selepas projek siap, penyusunan petak kereta dan laluan akan menjadi lebih sistematik apabila kereta hanya dibenarkan diletakkan di sebelah bahu kanan jalan sahaja. Sebelah kiri (bahu jalan) akan dikhaskan kepada laluan basikal," ujarnya pada sidang media di lokasi di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis MBPP, Dr. Tan Kim Hooi dan wakil Jabatan Kejuruteraan MBPP.

Tambah Lai Heng, sebanyak RM240,196 diperuntukan MBPP bagi pelaksanaan kerja-kerja berkaitan termasuk menambah petak kereta daripada 53 lot kepada 80 lot, penyediaan petak motosikal di kawasan berkeperluan tinggi, petak parkir kereta orang kurang upaya (OKU) dan tiga petak memunggah barang.

Dalam pada itu, menurut salah seorang peniaga di kawasan tersebut, Lee Xi Wen, 30, peniaga-peniaga di kawasan tersebut telah lama 'menderita' ekoran jalan dan laluan yang sempit.

"Jalan di sini sempit apabila kereta diparkir di kedua-dua belah bahu jalan meskipun di garisan berkembar.

"Laluan pejalan kaki yang tidak rata dan motosikal yang diletak sesuka hati juga adalah dilema utama di sini," ujarnya yang memiliki sebuah kedai menjual ubat-ubatan Cina berusia 83 tahun di sini.



**TEH Lai Heng (tengah) dan Tan Kim Hooi (kanan sekali) menunjukkan pelan menaiktaraf Lebuh Campbell ke Lebuh Buckingham pada sidang media di sini baru-baru ini.**





**LALUAN pejalan kaki dan basikal sedia ada kini.**

# Exco harap sambungan Jalan Bunga Hinai dapat siap ikut jadual

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**TANJUNG BUNGA –** Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) yakin bahawa kelewatan 24 peratus projek penyambungan Jalan Bunga Hinai dan Jalan Bunga Kaca Piring (Tanjung Tokong) di sini akan berjaya diatasi menerusi pendekatan pembinaan *'pre-cast method'*.



**PEMASANGAN *pre-cast* bagi mempercepatkan pelaksanaan projek penyambungan Jalan Bunga Hinai dan Jalan Bunga Kaca Piring.**

Kenyataan tersebut dinyatakan jurucakap JKR yang mengadakan lawatan tapak bersama-sama Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut, Keretapi), Lim Hock Seng dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu di sini baru-baru ini.

"Pendekatan *pre-cast* adalah menggunakan kepingan konkrit untuk menyambungkan semua bahagian-bahagian yang terlibat, tanah pula seterusnya akan dimampatkan bagi memperkukuhkan struktur sedia ada.

"Selain pembinaan jalan, kita (JKR) juga akan meningkatkan keupayaan tampungan saliran longkang dengan menaiktaraf longkang sedia ada kepada yang lebih besar bagi mengelakkan kejadian banjir melanda kawasan kampung di bahagian bawah.

"Kaedah ini, kita (JKR) rasakan sesuai dan selamat berdasarkan pengalaman JKR dalam menyiapkan projek-projek lepas," katanya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Hock Seng memberitahu, beliau menaruh harapan agar projek bernilai RM1.878 juta tersebut dapat disiapkan tepat pada 14 Februari 2016 selaras dengan tarikh tender Kerajaan Negeri.

"Ketua Menteri pada mesyuarat lalu meminta saya memantau projek ini kerana kita (Kerajaan Negeri) sudah melabur untuk penyambungan ini bagi kemudahan penduduk terutamanya kepada murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Hun Bin yang sering 'terperangkap' dalam situasi sesak di sini," jelas beliau.



**LIM Hock Seng (tengah, berbaju ungu) ketika mengadakan lawatan ke tapak projek di sini baru-baru ini.**

# Gunting rambut percuma untuk golongan warga emas



**BEBERAPA warga emas sedang menunggu giliran untuk memotong rambut pada penganjuran program Gunting Rambut Percuma di sini baru-baru ini.**

Gambar : **KOAY SHIANN HUAH**

**PAYA TERUBONG –** Kira-kira 200 warga emas mengambil bahagian dalam penganjuran program gunting rambut percuma anjuran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin di sini baru-baru ini.

Soon Hin berkata, warga-warga emas terbabit adalah merupakan penghuni Blok 2G, Jalan Angsana, Farlim di sini.

"Program ini julung kali diadakan secara bersama dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Semarak Api.

"Saya bersyukur kerana dapat 'membantu' golongan warga emas ini, sebagai tambahan, ia juga dapat mempromosikan budaya kemasyarakatan antara dua generasi berbeza iaitu warga emas dan muda-mudi yang merupakan pelajar di Akademi Hair Story International Sdn. Bhd. yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program ini," katanya pada program Gunting Rambut Percuma di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Soon Hin tidak menolak kemungkinan bahawa beliau akan menganjurkan program sama pada masa hadapan bagi meringankan beban warga emas di kawasan berkaitan.

# Baik pulih rumah kedai era perang, kekal identiti P. Tikus

Gambar : **ADUN**

**PULAU TIKUS –** Sejumlah 11 rumah kedai sebelum era perang dunia kedua yang masih kekal sehingga ke hari ini, akan dibaik pulih semula bagi mengekalkan identiti dan bentuk asal bangunan berkenaan.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Yap Soo Huey, sejumlah RM146,000 telah diperuntukan di bawah Projek Komuniti Lestari Pulau Tikus bagi membaik pulih bangunan yang berusia hampir 100 tahun itu.

"Projek ini turut mendapat kerjasama tuan tanah, *Estate of Cheah Leong Keah* (LK Cheah) dan Think City Sdn. Bhd..

"LK Cheah telah bersetuju untuk tidak menaikkan kadar sewa bagi 11 buah rumah kedai ini walaupun setelah dibaik pulih nanti.

"Sebelum pemansuhan Akta Kawalan Sewa 1966 pada tahun 2000, kadar sewa bagi sebuah rumah kedai di Pulau Tikus adalah antara RM30 hingga RM400 sebulan.

"Semenjak pemansuhan akta itu, kadar sewa telah naik mendadak hingga mencecah RM2,500 sebulan pada tahun 2010 dan kini (2015), saya difahamkan kadar sewa naik sehingga RM3,800 sebulan.

"Saya amat berbesar hati apabila tuan tanah telah bersetuju untuk tidak menaikkan kadar sewa bagi tempoh empat tahun akan datang," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengarah Eksekutif Think City Sdn. Bhd., Hamdan Abdul Majeed.

Projek Komuniti Lestari Pulau Tikus akan melibatkan kerja-kerja pemulihan bagi lapan buah rumah kedai di Jalan Burma dan tiga buah rumah kedai lagi di Solok Moulmein di sini.




**YAP Soo Huey (dua dari kanan) dan Hamdan Abdul Majeed (tiga dari kiri) meninjau rumah-rumah kedai yang terlibat dalam Projek Komuniti Lestari Pulau Tikus di sini baru-baru ini.**



**LAKARAN artis menunjukkan ilustrasi rumah-rumah kedai di Jalan Burma setelah dibaik pulih kelak.**

Mengulas lanjut, Soo Huey memberitahu, kerja-kerja membaik pulih akan dimulakan penghujung bulan September 2015 dan dijangka siap dalam tempoh tiga bulan.

"Ini (kerja-kerja pemulihan) termasuk menggantikan kesemua tingkap dengan penutup berbidai kayu, kekisi kayu di bahagian bawah dan panel tetingkap berkayu keras.

"Apabila siap kelak, kesemua rumah kedai akan mempunyai kanvas sengkuap tarpaulin untuk berteduh serta papan tanda kedai yang bersaiz standard dan berlampu.

"Selain itu, pengecatan semula juga akan dilakukan dengan kos kira-kira RM20,000," ujar beliau.

Dalam pada itu, tambah Hamdan, projek pemulihan semula rumah-rumah kedai tersebut adalah permulaan mengembalikan semula 'kisah' dan identiti Pulau Tikus.

"Warisan kebudayaan yang terdapat di sini adalah aset untuk masa hadapan Pulau Pinang.

"Oleh demikian, adalah penting untuk kita berganding bahu memelihara dan memulihara bangunan-bangunan bersejarah dan juga warisan hidup ini dari terus dimamah masa," jelas beliau.




**RUMAH-rumah kedai yang bakal dibaik pulih.**

## Kiosk Khidmat Bergerak demi kemudahan penduduk setempat

Teks & Gambar : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**KEBUN BUNGA –** Pusat Khidmat Parlimen Bukit Bendera dengan kerjasama Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga mengorak langkah memperkenalkan Kiosk Khidmat Bergerak untuk kemudahan penduduk setempat berurusan terutama bagi golongan yang bekerja.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari berkata, setakat ini hanya sebuah Kiosk Khidmat Bergerak disediakan dan ia akan ditambah dari masa ke masa mengikut keperluan serta kesesuaian.

"Kiosk ini hanya buka pada hari Ahad, minggu pertama setiap bulan di hadapan Astaka Flat Padang Tembak (Kompleks Gerai Padang Tembak) bermula jam 8 pagi sehingga 11 pagi.

"Perkhidmatan di kiosk ini bukan sahaja memberi kemudahan kepada penduduk yang mempunyai kekangan berurusan dengan Pusat Khidmat pada hari bekerja, tetapi juga keutamaan untuk warga emas yang uzur," katanya ketika ditemui pada majlis ringkas perasmian Kiosk Khidmat Bergerak di sini baru-baru ini.

Hadir sama, ADUN Kebun Bunga, Cheah Kah Peng, Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid dan Chris Lee Chun Kit serta Pengerusi Jawatankuasa Penggerak Belia Kawasan Parlimen Bukit Bendera, Lee Seng Hwai.

Kiosk Khidmat Bergerak menyediakan kemudahan pendaftaran Program-program Emas Kerajaan Negeri selain menjadi alternatif untuk penduduk menyalurkan aduan berkaitan.

Dalam pada itu, Kah Peng berharap dengan adanya Kiosk Khidmat Bergerak tersebut, penduduk setempat dapat memanfaatkan sepenuhnya khidmat yang disediakan.



**ZAIRIL Khir Johari (duduk, tiga dari kiri) dan Cheah Kah Peng (duduk, empat dari kiri) bersama-sama Ahli Majlis MBPP serta ahli-ahli Jawatankuasa Penggerak Belia Parlimen Bukit Bendera bergambar kenangan di Kiosk Khidmat Bergerak pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Seng Hwai memberitahu bahawa segala maklum balas yang diterima daripada penduduk setempat akan disalurkan kepada pihak-pihak berwajib untuk tindakan lanjut.



**ANTARA pengunjung Kompleks Gerai Padang Tembak yang mengunjungi Kiosk Khidmat Bergerak.**

Oleh : **ME**




Hentikan keganasan. Hormati wanita.
PENANG GOES ORANGE 2015

# PERADUAN MELUKIS POSTER: KREATIVITI ANAK PENANG

**Tema:**

**1. Hentikan Keganasan. Hormati Wanita.**
**2. Jangan Berdiam Hingga Terlambat. Bersama-sama Kita Hentikan Keganasan Terhadap Wanita & Kanak-kanak Perempuan.**
**3. Hentikan Keganasan Terhadap Wanita Untuk Realisasikan Kesaksamaan Gender.**

| Kategori I: | Kategori II: | Kategori III: |
|---|---|---|
| 12 tahun & ke bawah | 13 – 17 tahun | 18 tahun & ke atas |
| **Hadiah:** | **Hadiah:** | **Hadiah:** |
| 1: RM300 | 1: RM400 | 1: RM500 |
| 2: RM200 | 2: RM300 | 2: RM400 |
| 3: RM100 | 3: RM200 | 3: RM300 |

Anjuran oleh:

PWDC Penang Women's Development Corporation
buletin Mutiara

## Borang Penyertaan

Nama: ______________________________

No. MyKid / IC: ______________________________

Alamat: ______________________________

______________________________ Kategori: ______

Ibu Bapa / Penjaga: ______________________________
(Kategori I & II sahaja)

No. Tel. (Rumah): ______________ No. Tel. (Bimbit): ______________

Alamat E-Mel: ______________________________

**Terma & Syarat Pertandingan;**

1. Pertandingan dibuka dari 25hb September hingga 25hb November 2015.
2. Pertandingan ini adalah terbuka kepada penduduk negeri Pulau Pinang sahaja.
3. Poster mesti direka berdasarkan satu daripada tiga tema peraduan dan perlu mengandungi frasakata tema yang diberikan.
4. Para peserta boleh menggunakan sebarang jenis kertas bersaiz A3. Penggunaan jenis peralatan melukis adalah bebas termasuk digital.
5. Semua penyertaan mesti dihantar dalam bentuk salinan cetak / salinan keras (*hard copy*), termasuk rekacipta digital.
6. Semua penyertaan mesti dihantar bersama-sama borang penyertaan yang asal. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan.
7. Semua penyertaan adalah hak milik pihak penganjur.
8. Majlis penyampaian hadiah akan diadakan di Majlis Penutupan Kempen Penang Goes Orange.
9. Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-261 2835 / 04-261 5261 atau e-mel, info@pwdc.org.my
10. Hantar penyertaan anda sebelum atau pada 25hb November 2015 kepada:

**Buletin Mutiara,**
**Peraduan Melukis Poster: Kreativiti Anak Penang**
**Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.**